

Jilid V
Bil. I



Hari Selasa
2hb. Mei, 1978

LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA
FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG

PENGGAL YANG KELIMA
Fifth Session

MESYUARAT YANG PERTAMA
First Meeting



LAPORAN PERSIDANGAN

OFFICIAL REPORT

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG **YANG KELIMA** *FIFTH LEGISLATIVE ASSEMBLY PENANG*

PENGGAL YANG KELIMA *Fifth Session*

MESYUARAT YANG PERTAMA *First Meeting*

KAND'UNGAN

PENGUMUMAN TUAN SPEAKER	(2)
MEMBENTANGKAN RISALAH-RISALAH	(8)
JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN	(8)
JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN	(25)
RANG UNDANG-UNDANG	(34)

**LAPURAN PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI,
PULAU PINANG, YANG KELIMA.**

MESYUARAT YANG PERTAMA BAGI PENGAL YANG KELIMA.

Hari Selasa, 2hb. Mei, 1978

YANG HADIR

Yang Berhormat Datuk Speaker (Datuk Haji Harun bin Sirat, D.M.P.N.)
Yang Amat Berhormat Ketua Menteri (Dr. Lim Chong Eu)
Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang (Encik Haidar bin Mohd. Noor)
Yang Berhormat Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe L'im, D.M.P.N.)
" " Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin sulaiman, K.M.N., A.M.N., P.J.K.)
" " Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah, J.P.)
" " Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohamad Noor bin Haji Bakar, P.P.N., J.P.)
" " Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong, A.M.N.)
" " Ahli Kawasan Bertam (Encik Abdul Rahman bin Haji Abbas)
" " Ahli Kawasan Bagan Dalam (Encik T. Subbiah, K.M.N., P.J.K.)
" " Ahli Kawasan Tanjung Bungah (Encik Khor Ngak Seng @ Khor Gark Kim)
" " Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh @ Mat Noor, P.J.K.)
" " Ahli Kawasan Bukit Glugor (Encik Tan Gim Hwa, J.P. J.M.N.)
" " Ahli Kawasan Paya Terubong (Encik Khoo Teng Chye)
" " Ahli Kawasan Sungai Pinang (Encik Wong Choong Woh, J.P.)
" " Ahli Kawasan Penanti (Encik Abdullah bin Mohamed @ Mahmud, P.P.N.)
" " Ahli Kawasan Bagan Ajam (Tuan Haji Ibrah'im bin Abdul Razak, P.J.K., P.P.N.)
" " Ahli Kawasan Sungai Nibong (Dr. Choong Sim Poey)
" " Ahli Kawasan Telok Bahang (Encik Yahya bin Haji Mohamed Yusoff, P.J.K.)
" " Ahli Kawasan Tasek Glugor (Encik Samsudd'in @ Md. Noor bin Ahmad, P.J.K.)
" " Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh, A.M.N.)
" " Ahli Kawasan Machang Bubuk (Encik Lim Heng Tee)
" " Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam (Encik Oh Teck Aun)
" " Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ong Bok Chuan @ Ng Swee Ching, A.M.N., P.J.K.)
" " Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Encik C.Y. Choy)
" " Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali, P.J.K.)

TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Kampung Kolam (Datuk Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P.)

TURUT HADIR:

Setiausaha, Dewan Undangan Negeri (Encik Wong Hin Fatt, P.J.M.)

Dewan bersidang semula pada jam 10.00 pagi.

1. DOA:

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi Tuan Yang Terutama berserta dengan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadih akan masuk ke dalam Dewan ini untuk memberi ucapan.

[Datuk Speaker, didahului oleh Setiausaha Dewan, menuju ke bilik Speaker untuk menyambut Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadih.

Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadih, diiringi oleh Jururiring-Jururiring serta didahului oleh Datuk Speaker dan Setiausaha Dewan berangkat masuk ke dalam Bilik Persidangan.

Para hadirin berdiri dan tunduk semasa Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadih berjalan menuju ke tempat duduk].

2. UCAPAN TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI.

Setiausaha Dewan:

Ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Sekarang Y.A.B. Ketua Menteri akan menyerahkan surat ucapan Tuan Yang Terutama kepada Tuan Yang Terutama. (Y.A.B. Ketua Menteri menyerahkan surat ucapan kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri).

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri: Datuk Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, Ahli-Ahli Yang Berhormat Majlis Dewan Undangan Negeri.

Bismillah-hirrahma-nir-rahim. Al-hamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala di atas Rahmat, Taufik dan HidayatNya, dan dengan limpah izinNya dapat saya sekali lagi berucap kepada Dewan ini sempena Mesyuarat Pertama bagi Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Yang Keempat.

Dalam masa dua belas bulan yang lalu Negeri Pulau Pinang telah

mencapai perkembangan sosial ekonomi yang lebih besar bagi faedah rakyat kita. Melalui kerjasama yang rapat di antara rakyat dengan Kerajaan Negeri, kita telah dapat mengekalkan perpaduan, keamanan, kestabilan dan keselamatan dalam Negeri.

Untuk melaksanakan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga dengan jayanya di Negeri kita, saya menyeru rakyat sekalian supaya meneruskan usaha-usaha mereka bagi mencapai perpaduan negara melalui Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan, menyusun semula masyarakat dan membina sebuah negara yang berdikari, progresif dan kukuh.

Tahun 1978 membawa kita ke peringkat Kajian Semula Pertengahan Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Sungguhpun kita telah mencapai banyak kejayaan dalam tahun 1977, kita masih lagi menghadapi cabaran yang besar dalam bidang melaksanakan semua rancangan-rancangan sosial dan ekonomi yang dirancang untuk membawa faedah yang lebih banyak kepada semua lapisan masyarakat kita. Rakyat perlulah bekerjasama rapat dengan Kerjasama; semua Jabatan-Jabatan Kerajaan mestilah menyelaraskan aktiviti-aktiviti mereka untuk menentukan supaya projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga dilaksanakan mengikut jadual.

Rancangan Malaysia Ketiga telah dilancarkan secara rasmi hanya pada pertengahan tahun 1976. Sungguhpun demikian, Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Agensi-Agensi Berkanun telah berjaya memulakan projek-projek mereka dengan giatnya. Dalam tahun 1977, kebanyakan daripada kerja-kerja persediaan telah siap dan beberapa Jabatan-Jabatan Kerajaan telah dapat melaksanakan projek-projek yang diperuntukkan bagi tahun itu. Dengan perasaan bangga saya melapurkan kepada Dewan ini bahawa Negeri kita telah berjaya mencapai prestasi yang paling terkemuka dalam pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Ketiga bagi tahun 1977.

Pencapaian berbagai Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Agensi-Agensi Berkanun

pada keseluruhannya ialah 80.02 peratus daripada jumlah peruntukan-peruntukan projek 1977. Memandangkan kemajuan ini, maka Kerajaan Persekutuan telah menambahkan sebanyak 28.7 peratus lagi kepada peruntukan 1977 bagi Negeri kita.

Ingin saya mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Jabatan Kerajaan, Pihak Berkuasa Air, Perbadanan Pulau Pinang dan Pihak-Pihak Berkuasa Tempatan atas dedikasi perkhidmatan mereka. Semangat cemerlang dalam bidang menyelaraskan dan menyatukan usaha bersama ini telah menghasilkan kejayaan yang dicapai itu. Adalah penting supaya tradisi perkhidmatan yang tinggi ini dikekalkan agar dapat kita terus melaksanakan semua projek Rancangan Malaysia Ketiga mengikut jadual. Semua Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Agensi-Agensi Berkanun mestilah berusaha bersungguh-sungguh dan terus mengekalkan penyelarasan yang erat di antara satu sama lain untuk mengeluarkan hasil-hasil yang maksimum demi kebaikan rakyat Negeri kita.

Lawatan rasmi Y.A.B. Datuk Seri Dr. Mahathir, Timbalan Perdana Menteri pada 1hb. dan 2hb. Ogos, 1977 telah memberi penghormatan kepada kita. Beliau telah dapat mengulang-kaji kemajuan yang telah dicapai oleh kita dan menilai masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Kita mencatatkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri atas perhatian berat dan sumbangan yang diberi oleh beliau untuk menjamin perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial di Pulau Pinang.

Saya mengucapkan terima kasih kepada rakyat Pulau Pinang atas usaha mereka bagi mengekalkan perpaduan, keamanan, kestabilan dan keselamatan masyarakat kita, selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara. Kita mestilah berazam untuk berkhidmat dalam rancangan-rancangan kemasyarakatan yang dipelupori oleh

Kerajaan Negeri, seperti Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, Rukun Tetangga, Rela, Pemadam, Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat dan lain-lain pertubuhan sosial dan sivik. Melalui usaha-usaha sedemikian saya yakin rakyat kita akan dapat mengekalkan keamanan dan keharmonian masyarakat kita daripada diresapi oleh anasir-anasir anti-national dan anti-sosial di samping menghapuskan masalah penye-lahgunaan dadah, keruntuhan akhlak dan jenayah-jenayah.

Saya mengucapkan terima kasih kepada rakyat kita yang telah tampil ke hadapan dengan secara sukarela untuk berkhidmat di semua pertubuhan-pertubuhan ini. Dengan melibatkan diri mereka sepenuhnya di dalam semua tanggungjawab sivik ini, maka rakyat kita akan dapat mengekalkan cara hidup tulin Malaysia dan menjadikannya lebih bermakna kepada kita semua. Kerajaan Negeri akan terus memberikan segala bantuan yang boleh kepada semua pertubuhan-pertubuhan sivik ini supaya mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan berkesan dan jayanya.

Saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi terimakasih kepada pasukan-pasukan keselamatan dan polis atas perkhidmatan gagah dan cemerlang yang telah disumbangkan oleh mereka kepada kita semua. Mereka sentiasa membuktikan keazaman dan dedikasi yang penuh dalam tugas mereka bagi menghapuskan anasir-anasir anti-nasional dan subversif. Melalui perkhidmatan-perkhidmatan dedikasi dan pengorbanan-pengorbanan mereka yang tidak ternilai itu, rakyat telah dapat menikmati keamanan, kestabilan dan keselamatan di dalam kehidupan mereka sehari-hari.

Kejayaan-kejayaan cemerlang yang dicapai oleh Kerajaan Negeri dalam perkembangan sosial ekonomi adalah hasil daripada kerjasama rapat di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Di sini saya ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih saya yang tidak terhingga kepada Y.A.B. Perdana Menteri,

Datuk Hussein Onn, di atas sokongan yang sentiasa diberi oleh beliau kepada Negeri kita. Lawatannya ke Pulau Pinang daripada 3hb. hingga 7hb. Februari, 1978 telah memberi peluang kepada beliau untuk mengetahui secara mendalam 'parameter' perkembangan sosial ekonomi kita dan seterusnya menggalakkan kita semua supaya berusaha dengan lebih giat lagi untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga mengikut jadual. Kerajaan Negeri menyokong dengan sepenuhnya usaha-usaha Y.A.B. Perdana Menteri untuk mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi baru.

Dalam konteks Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan dasar perindustrian desa dan memperindustrikan kawasan desa bersama-sama dengan usaha memperluas dan mempelbagaikan industri "agro-horticulture" berserta dengan projek pembaharuan bandar. Kerajaan Negeri akan mempergiatkan usaha-usaha melaksanakan rancangan perindustrian desa dengan tujuan memajukan sektor perkilangan perusahaan dan seterusnya mengujudkan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat kita. Pada awal tahun 1969 kita mempunyai satu sahaja kawasan perindustrian di mana 15 buah kilang memberi peluang pekerjaan kepada 2,400 orang pekerja. Kadar pengangguran dianggarkan di antara 14 hingga 15 peratus dari tenaga buruh. Walhal, pada penghujung tahun 1977 terdapat 8 kawasan perindustrian dengan 118 buah kilang perusahaan yang memberi peluang pekerjaan secara langsung kepada 38,146 orang pekerja. Kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang adalah dianggarkan lebih-kurang sama dengan purata negara iaitu 6.7 peratus.

Pada tahun lalu kita telah menumpukan perhatian kita untuk memberi lebih banyak lagi peluang kepada rakyat melalui perkembangan sektor pembinaan. Walaupun terdapat masalah dari segi mobilisasi tenaga manusia, badan-badan dan sumber-sumber kewangan, namun Kerajaan telah dapat mencapai kejayaan yang besar dalam usaha membina rumah-rumah

bagi rakyat kita, khasnya bagi mereka daripada kumpulan yang berpendapatan rendah.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan akan melaksanakan satu rancangan perumahan yang raksaksa untuk membina 12,246 yunit perumahan yang berharga \$122,986,900. Tugas ini akan dijalankan oleh Jabatan Kerja Raya dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Aktiviti-aktiviti mereka akan diselarasakan oleh Jawatankuasa Perumahan Negeri sehingga Pihak Berkuasa Perumahan dapat diujudkan.

Kerajaan sedar tentang keperluan-keperluan perumahan, khasnya bagi kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah. Dalam tahun 1977, 470 yunit rumah di Rancangan Perumahan Kampung Melayu telah siap dan diuntukkan. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang juga telah membina 232 yunit rumah murah di Bayan Baru, Sungai Ara, Pengkalan Weld dan Lebuh Macallum. Dalam masa 12 bulan yang akan datang, Kerajaan Negeri pula akan membina 3,200 yunit lagi. Rancangan ini merupakan rancangan terbesar yang pernah dijalankan dalam setahun di bidang perumahan awam dalam sejarah Negeri Pulau Pinang.

Sebahagian besar daripada rancangan-rancangan perumahan itu akan dilaksanakan di Bayan Baru dan Seberang Jaya. Rancangan ini merupakan sebahagian daripada keseluruhan strategi untuk memperindustrikan kawasan-kawasan luarbandar di mana kemudahan-kemudahan perdagangan moden, pendidikan, kesihatan, sosial, sivik dan rekreasi akan disediakan. Pusat-pusat perkembangan baru ini akan menggalak dan melipatgandakan usaha kita untuk menyatupadukan masyarakat dalam alam persekitaran ekonomi dan sosial di mana setiap rakyat Malaysia, tanpa mengira keturunan atau pendapatan akan bangga dan berpuas hati.

Mereka yang bernasib baik, yang telah diberi rumah dalam Rancangan Perumahan Negeri, haruslah memikul tanggungjawab sivik selaras dengan faedah sosial yang dinikmati oleh

mereka. Sehingga hari ini, seramai 6,334 keluarga telah diberi yunit-yunit rumah dalam Rancangan tersebut, tetapi malangnya ada di antara mereka yang telah gagal menunaikan tanggungjawab sivik mereka dengan tidak menjelaskan tunggakan yang berjumlah sebanyak \$1,262,450. Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan undang-undang yang perlu supaya mereka yang menikmati faedah sosial ini akan menunaikan tanggungjawab mereka, selain daripada menjamin supaya rancangan perumahan di Negeri ini dapat dilaksanakan secara adil dan saksama.

Selanjutnya, saya menyeru rakyat Pulau Pinang supaya mendaulatkan undang-undang dan membantu Kerajaan mentadbirkan rancangan perumahan dengan adil dan saksama. Rakyat kita tidak harus mencero bohi undang-undang dengan mendikan rumah-rumah haram di atas tanah Kerajaan. Kerajaan Negeri sentiasa menyelesaikan masalah-masalah setingan-setingan haram dengan penuh simpati. Rakyat kita hendaklah bekerjasama dengan Kerajaan supaya masalah perumahan dapat kita atasi bersama mengikut kehendak undang-undang. Pegawai-Pegawai Daerah dan Tanah akan menjalankan kawalan yang ketat atas tanah Kerajaan untuk mencegah sebarang pencerobohan oleh setingan-setingan haram.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga penyertaan yang aktif daripada sektor swasta amatlah perlu, terutamanya dalam bidang menyediakn rumah-rumah yang cukup bagi rakyat kita. Untuk memenuhi keperluan ini adalah diharapkan bahawa sektor swasta akan dapat melaksanakan n'sbah membina sebuah rumah bagi sebuah rumah yang dibina oleh sektor awam. Dengan kerjasama sektor swasta, maka Kerajaan berazam untuk menghapuskan semua "red-tape" dan "bottle-necks" yang menghindarkan rancangan-rancangan pembinaan oleh sektor swasta. Akan tetapi, adalah perlu bagi sektor swasta memberi kerjasama yang erat kepada Kerajaan untuk menyelesaikan masalah-masalah ini dengan merujuk kes-kes kelewatan tertentu kepada pihak yang

berkeajaan.

Melalui agensi pembangunannya, Kerajaan Negeri akan menawarkan beberapa bidang tanah tertentu di pusat-pusat perkembangan baru tidak lama lagi melalui tender awam untuk membolehkan sektor swasta mengambil bahagian bersama-sama dengan Kerajaan bagi membangunkan kawasan-kawasan itu. Adalah dijangka bahawa melalui kerjasama sedemikian rupa, kita akan dapat membawa pembangunan sosial ekonomi yang lebih pesat lagi bagi Negeri ini.

Adalah perlu bagi kita mengukuhkan kemampuan kita dalam sektor swasta tempatan bagi memesatkan perkembangan sosial-ekonomi akibat daripada kemerosotan ekonomi dunia. Sungguhpun Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah dapat mengekalkan satu perkembangan dalam pelaburan perusahaan di Negeri ini, yang pula menyebabkan satu kenaikan sebanyak 10.9 peratus pekerjaan daripada jumlah tenaga buruh, dan satu kenaikan sebanyak 12.1 peratus pelaburan modal, namun peruntukan peruntukan Akta Zon Perdagangan Bebas pasti menggalakkan sektor

Perdagangan dan perusahaan tempatan kita untuk menggunakan kemudahan-kemudahan Zon Perdagangan Bebas dengan sepenuhnya di dalam Negeri ini.

Adalah dijangka bahawa lapangan terbang antarabangsa yang baru di Bayan Lepas akan siap menjelang tahun ini. Selain daripada memberi kemudahan perkhidmatan penerbangan yang lebih banyak kepada para pengusaha di Zon-Zon Perdagangan Bebas, lapangan terbang baru ini juga akan dapat menarik lebih ramai pelancung-pelancung ke Negeri Pulau Pinang. Oleh yang demikian, prospek bagi perusahaan pelancungan adalah cerah, dan pelaburan modal tempatan di dalam perusahaan kemajuan pelancungan haruslah berkembang maju.

Pulau Pinang kian menjadi sebuah tempat tumpuan orang-ramai dan pusat persidangan. Usaha Kerajaan dalam mengadakan Minggu Adela ide dan penyertaannya di dalam Pesta Medan bersama-sama dengan Negeri-

Negeri saudara jiran kita di Malaysia Utara telah mendatangkan faedah bersama yang besar kepada semua pihak yang berkenaan dan dengan jelasnya menempatkan Pulau Pinang di atas peta pelancungan antara-bangsa. Pesta Pulau Pinang telah membuktikan kepentingan ini dan Pesta Perdagangan pula akan dimajukan menjadi satu pesta antara-bangsa, khususnya bagi seluruh wilayah ASEAN.

Untuk mengukuhkan asas ekonomi kita di masa hadapan, Kerajaan Negeri sedang menggalakkan pembangunan pelabuhan dan lain-lain perkhidmatan pusarama atau infrastruktur. Tidak lama lagi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang akan menyiapkan sebuah terminal pemunggahan barang-barang muatan, terminal kapal-kapal muatan dan tambatan Dermaga yang Ke Enam di Butterworth. Satu kajian juga akan dijalankan bagi mendalamkan Selat Utara untuk memudahkan kemasukan kapal-kapal yang lebih besar ke pelabuhan ini.

Lain-lain kerja pusarama yang besar yang dijalankan atau dikaji ialah Ampangan Sungai Perai, pembesaran Stesyen Jana Letrik di Perai, Jalan Relau/Balik Pulau, melebarkan jalan dari lapangan terbang ke jalan Persekutuan di bandar dan sistem jalan kita di masa hadapan, khasnya di kawasan-kawasan luar bandar, serta juga meluaskan perkhidmatan bekalan air dalam Negeri.

Jambatan yang menghubungkan Tanah Besar Semenanjung dengan Pulau Pinang kini telah sampai ke satu peringkat di mana cadangan kajian kemungkinan dan kerja-kerja kejuruteraan permulaan oleh Pakar-Pakar Perunding sedang dikaji dengan giatnya oleh sebuah Jawatankuasa Persekutuan, dan kita bolehlah mengharap Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakannya.

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bersama-sama dengan Jabatan Kerja Raya sedang mengkaji kemungkinan melaksanakan rancangan-rancangan menebusguna tanah di Negeri ini. Ini pula akan membolehkan kita membuat satu kajian yang lebih

mendalam dan teliti lagi terhadap potensi Bank Tanah yang akan diadakan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud pembangunan sosial ekonomi menjelang akhir Pelan Perspektif dalam tahun 1990. Dengan itu, maka rancangan-rancangan penggunaan tanah kita di masa sekarang, dan di masa hadapan, dapatlah diselaraskan secara teratur bagi mencapai hasil-hasil yang maksima untuk Negeri ini.

Dalam masa sepuluh tahun yang lalu, Kerajaan Negeri, di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri, Dr. Lim Chong Eu yang gigih dan dedikasi bersama-sama rakan-rakannya dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan, telah berjaya mencapai satu kemajuan yang terkemuka dalam tugas pembangunan sosial ekonomi Negeri. Ini adalah hasil daripada rancangan perindustrian yang telah memberi lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat di dalam Negeri.

Rancangan memperindustrikan dan memperbandarkan kawasan-kawasan luarbandar telah menambahkan peluang-peluang pembangunan sosial, dan dengan itu usaha menyatupadukan masyarakat kita dapat diteruskan dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Penggunaan tanah secara teliti telah memperluaskan lengkaran kawasan-kawasan bandar sehingga pusat-pusat perkembangan bersama-sama dengan kawasan-kawasan perusahaan kini telah dapat dicantumkan menjadi sebuah kawasan metropolitan yang besar di kedua-dua bahagian negeri ini. Kerajaan Persekutuan tidak lagi akan melaksanakan pembinaan jambatan yang akan menghubungkan secara fizikal kedua-dua bahagian Negeri kita. Rancangan perumahan sekarang yang sedang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri akan dapat memberi lebih banyak lagi rumah-rumah kepada rakyat kita. Pelbagai pembangunan ini telah membawa Pulau Pinang kepada peringkat di mana kita dapat mencapai sebuah masyarakat Malaysia yang bersatupadu, yang adil dan saksama bagi semua lapisan rakyat.

Oleh itu adalah perlu bagi rakyat kita memupuk secara positif satu sikap Malaysia yang tulin dalam usaha-usaha

kita di masa hadapan bagi mencapai kemajuan. Kerajaan Negeri akan melancarkan lebih banyak lagi rancangan-rancangan di seluruh Negeri ini bagi menyatupadukan masyarakat serta memperbaiki mutu hidup rakyat kita.

Dengan kerjasama yang lebih erat di antara Majlis-Majlis Perbandaran dengan Kerajaan Negeri, maka projek-projek seperti kompleks-kompleks penjaja, kemudahan-kemudahan rekreasi dan taman-taman awam akan dilancarkan. Projek-projek ini akan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat kita serta menggalakkan lebih banyak kegiatan-kegiatan positif yang dapat mengekalkan kebajikan dan kemakmuran Generasi Rakyat Malaysia Baru.

Kerajaan berazam untuk menentukan semangat kerohanian dan moral masyarakat kita yang lebih bermutu sambil ia berusaha mencapai pembangunan sosial dan ekonomi yang lebih banyak lagi. Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terimakasih kepada orangramai semangat sivik yang telah memberi sumbangan terpuji terhadap pembinaan Mesjid Negeri. Sepertimana yang saya pernah menyatakan dahulu di dalam ucapan saya di Dewan ini, iaitu perlaksanaan Mesjid Negeri oleh Kerajaan, yang disokong oleh rakyat kita dari semua lapisan hidup, akan menjadikan Mesjid Negeri sebagai satu lambang keazaman rakyat kita untuk mencapai perpaduan negara dan untuk membina satu masyarakat yang bersatupadu, adil dan saksama. Memandangkan kepada kemajuan yang sedang dijalankan di atas kerja-kerja pembinaan Mesjid Negeri, kita yakin ianya dapat disiapkan mengikut jadual. Saya harap rakyat kita akan terus menghulurkan derma dengan ikhlas dan murah hati kepada Tabung Mesjid Negeri.

Pulau Pinang sangat bernasib baik kerana terdapat banyak kelab-kelab perkhidmatan sosial yang disokong oleh sebilangan besar rakyat kita dari semua lapisan. Pertubuhan-pertubuhan ini telah dapat memberi perkhidmatan sivik yang banyak untuk menemui keperluan mereka yang kurang ber-

nasib baik, yang memerlukan bantuan, orang-orang cacat dan orang-orang tua di dalam masyarakat kita. Kepada semua pertubuhan-pertubuhan ini saya ingin mencatatkan penghargaan yang tinggi kerana sumbangan mereka yang berharga untuk menjadikan Pulau Pinang ini sebuah Negeri yang rakyatnya boleh tinggal dengan keadaan yang lebih baik dan senang lagi.

Saya juga ingin mencatatkan terimakasih dan penghargaan saya kepada ahli-ahli dermawan, ketua-ketua kaum, firma-firma perdagangan dan pertubuhan-pertubuhan, ketua-ketua kelab, perkhidmatan akhbar-akhbar dan orang perseorangan yang dengan murah hati tampil ke hadapan menganjurkan dan menubuhkan sebuah Yayasan dengan nama saya. Yayasan ini akan menghulurkan bantuan-bantuan wang menerusi sebuah Jawatankuasa nya untuk kerja kebajikan dan memberi bantuan-bantuan terus-menerus dengan segeranya kepada pemohon-pemohon daripada masyarakat kita yang susah dan miskin yang patut menerima bantuan-bantuan itu.

Saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi terima kasih saya kepada semua Ahli-Ahli Dewan ini di atas usaha yang telah disumbangkan secara ikhlas oleh mereka bagi memupuk perpaduan, serta menjaga keamanan dan kestabilan dalam Negeri kita supaya rancangan-rancangan pembangunan sosial-ekonomi dapat dilaksanakan di semua kawasan dalam negeri.

Adalah dengan perasaan amat dukacita kita mencatatkan kematian trajik Yang Berbahagia Datuk Ooh Chooi Cheng di dalam nahas kapal-terbang MAS di Tanjung Kupang pada 4hb. Disember, 1977. Kematiannya secara mengejut telah menyebabkan kehilangan dari kalangan kita seorang yang ikhlas, yang telah memberi sumbangan yang terkemuka demi kepentingan rakyat Negeri kita. Jasanya yang cemerlang dalam perkhidmatan awam adalah setanding dengan tradisi mulia Dewan ini yang haruslah ditauladani. Kita juga dengan amat dukacitanya merakamkan kematian Y.B. Encik Ong Yi How.

Semasa saya menunaikan fardhu

Jumaat di Mesjid-mesjid di seluruh Negeri ini, Ahli-Ahli Yang Berhormat telah memberikan saya penghormatan dan sokongan dengan sepenuhnya. Ahli-Ahli Yang Berhormat haruslah menjalin perhubungan rapat dengan rakyat pada setiap masa supaya Kerajaan Barisan Nasional di peringkat Persekutuan dan Negeri dapat memberi faedah-faedah yang maksima kepada semua lapisan rakyat kita. Tugas membina sebuah masyarakat yang bersatu-padu melalui semangat Rukunegara memerlukan rakyat kita melibatkan diri mereka dalam semua projek pembangunan yang dirancang oleh Kerajaan

Kita sekarang berada di ambang kemajuan sosial ekonomi yang menarik dan penuh dengan cabaran. Ini memerlukan rakyat kita membentuk satu masa hadapan di mana semua rakyat Malaysia dapat hidup, kerja dan bercampur gaul sebagai satu keluarga yang mempunyai satu matlamat yang sama.

Saya berdoa kepada Allah Yang Maha Kuasa semoga memberi Rahmat dan PimpinanNya kepada semua Ahli-Ahli Dewan ini dalam menunaikan tanggungjawab yang berat yang telah diamanahkan kepada mereka. Dengan Limpah Rahmat dan RestuNya saya yakin kita akan dapat mengatasi sebarang cabaran dan masalah yang dihadapi oleh kita, dan seterusnya membentuk sebuah Negara Malaysia yang lebih bahagia dan lebih makmur.

Tuan Speaker: Tuan Yang Terutama, benarkan saya berucap kepada Dewanini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi Tuan Yang Terutama berserta dengan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadiyah akan meninggalkan Dewan ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian, saya dengan sukacitanya mengumumkan tuan-tuan sekalian untuk menikmati jamuan ringan yang akan diadakan di perkarangan Dewan ini.

Sebelum dari itu, Ahli-Ahli Yang Berhormat dipersilakan untuk bergambar bersama-sama dengan Tuan

Yang Terutama.

[Tuan Yang Terutama dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Hajjah Sadiyah diiringi oleh Juruiring-Juruiring berangkat keluar dari Bilik Persidangan ke Bilik Speaker didahului oleh Datuk Speaker dan Setiausaha Dewan.]

Dewan ditangguhkan pada jam 10.40 pagi.

Dewan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

PENGUMUMAN TUAN SPEAKER.

Tuan Speaker: Ahli Yang Berhormat sekalian, saya ada dua pengumuman. Saya telah membenarkan kepada Y.B. Datuk Khoo Kay Por untuk tidak hadir di dalam persidangan Dewan kali ini kerana beliau dikehendaki hadir ke Pesta Medan. Pengumuman yang kedua ialah untuk mengingatkan mendiang Y.B. Encik Ong Yi How, bekas Ahli Dewan Undangan Negeri yang telah meninggal dunia pada 1hb. Mei, 1978, dan diminta Ahli Yang Berhormat sekalian berdiri bertafakur selama 2 minit.

(Semua yang hadir berdiri dan bertafakur selama 2 minit.)

Tuan Speaker:

Terimakasih.

3. MEMBENTANGKAN RISALAT-RISALAT.

Ketua Menteri: Saya mohon membentangkan di atas Meja Dewan Kertas-Kertas Bilangan 1 dan 2 Tahun 1978 seperti yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

4. JAWAPAN-JAWAPAN MULUT KEPADA SOALAN-SOALAN.

(I) **Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad)** bertanya kepada **Ketua Menteri:** Datuk Speaker, soalan petama.

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini kawasan-kawasan di mana projek perumahan peralihan telah distapkan dan berapakah jumlah perbelanjaannya? Apakah sebab-sebab kelewatan dalam projek-projek sedemikian di kawasan-kawasan yang lain?

- (1. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House which of the transitional housing projects have been completed

and their total cost? Of the areas where the project is behind schedule, can the Hon'ble Chief Minister give reasons for the delay?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Speaker, jawapan saya untuk soalan pertama ialah sejumlah 10 projek-projek perumahan di kawasan peralihan telah dimulakan kerja-kerja pembinaannya dan setakat ini projek di Permatang Damar Laut sahaja yang telah disiapkan. Harga pembinaan projek ini ialah \$357,000.00.

Masalah tanah dihadapi di 2 kawasan iaitu di Sungai Dua dan Jalan Maklomm. Kerajaan sedang aktif mencuba menyelesaikan masalah-masalah tersebut.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor Bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan tambahan. Bagaimanakah dengan tanah bagi kawasan Tasik Glugor?

Tuan Speaker: Tolong kuat sedikit.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Tentang tanah bagi kawasan Tasik Glugor, bagaimana?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Ada.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan kedua.

2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini siapakah yang telah dicalunkan oleh Kerajaan bagi menggantikan wakil dari Parti PAS di dalam kedua-dua Majlis Perbandaran akibat perletakan jawatan oleh wakil dari Parti tersebut?

- [2. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House who has been nominated to both the Municipal Councils to replace the PAS representatives who have since resigned?]

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Speaker, jawapan saya perkara ini adalah dalam pertimbangan.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Soalan ketiga.

3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri mem-

beritahu Dewan ini adakah Kerajaan Negeri akan melanjutkan tempoh kepada orang ramai bagi membuat dan meminda geran-geran tanah yang tidak sempurna?

- [3. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the State Government will extend the time-period for the public to apply or change their land grants?]

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Speaker, tempoh selama 12 tahun dari 1hb. Januari, 1966 hingga 31hb. Disember, 1977 yang asalnya diperuntukkan di bawah Akta Kanun Tanah Negara (Hakmilik Pulau Pinang dan Melaka) 1963, untuk orang ramai menukarkan hakmilik-hakmilik mereka telahpun dilanjutkan selama 8 tahun lagi mulai 1hb. Januari, 1978.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan keempat.

4. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada satu projek bagi membina sebuah Hospital di Pekan Kepala Batas akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga?

- [4. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether a project to construct a Hospital in Kepala Batas will be implemented under the Third Malaysia Plan?]

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, bagi menjawab soalan keempat tidak ada cadangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina sebuah Hospital di Kepala Batas.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan kelima.

5. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapakah jumlah wang yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri sebagai tuan rumah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Persatuan Parlimen Komenwel yang telah diadakan di Pulau Pinang baru-baru ini?

- [5. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House how much has been spent by the State Government as host to the Commonwealth Parliamentary Association Executive Committee Meet-

ing which was held in Penang recently?]

Ketua Menteri: Tuan Speaker, jumlah yang dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dalam menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Persatuan Parlimen Komanwel ialah sebanyak \$30,515.47.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Soalan yang keenam.

6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan Negeri akan mengadakan sebuah padang untuk kegiatan sukan bagi tiap-tiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri di Negeri Pulau Pinang?

[6. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the State Government will make available a sports field in each of the State Constituency in Penang?]

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): Datuk Speaker, kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan serta-merta untuk mengadakan sebuah padang untuk kegiatan sukan bagi tiap-tiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun kawasan-kawasan lapang dan padang-padang permainan yang sedia ada di tiap-tiap kawasan itu bolehlah diguna untuk kegiatan-kegiatan sukan dan rekreasi.

Ahli Kawasan Teluk Bahang (Encik Yahaya bin Haji Mohamed Yusoff): Soalan tambahan. Y.B. Datuk Speaker, adakah bagi pihak Kerajaan bercadang akan membina sebuah padang permainan di daerah Teluk Kumbang?

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): Datuk Speaker, saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Telok Bahang perkara ini boleh dipertimbangkan kepada Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Soalan ketujuh.

7. Bilakah Kerajaan Negeri akan mengeluarkan Lesen Tumpangan Sementara kepada penduduk-penduduk di Kawasan Kampung Selamat dan lain-lain kawasan?

[7. When will the State Government issue

TOL to residents in Kampung Selamat and other areas?]

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Speaker, semua 148 pemegang Lesen Tumpangan Sementara telah dinasihatkan untuk memohon geran milik secara rasmi. Lepas itu berapa kali Yang Berhormat dari Tasik Glugor beliau bertanya itu tentang hakmilik tetapi saya beri jawapan. Jumlah ada 73 daripada mereka telah diberi geran milik dan 15 sedang diproses. Adalah terpulang kepada baki 60 orang lagi pemegang Lesen Tumpangan Sementara untuk memohon bagi mendapatkan geran milik tanahnya dalam borang-borang yang tertentu sebelum geran milik dapat dikeluarkan.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan yang Kelapan.

8. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan samada Kerajaan Negeri akan memberi sedikit bantuan elau kepada Guru-guru Kelas Perpaduan Rakyat di Negeri Pulau Pinang memandangkan bahawa tidak ada kenaikan langsung dalam elau mereka sejak dahulu?

[8. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the State Government will consider giving additional allowance to teachers in the Kelas Perpaduan Rakyat in Penang in view of the fact that their allowances have not been increased for a long time?]

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): Datuk Speaker, elau-elau guru-guru Kelas Perpaduan Rakyat dibayar oleh Lembaga Perpaduan Negara. Untuk makluman Y.B. Ahli dari Tasik Glugor, Lembaga Perpaduan Negara telah menetapkan elau sebanyak \$4.00 satu jam kepada guru-guru.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad): Datuk Speaker, soalan tambahan, Maksud soalan ini ialah dari segi bantuan Kerajaan Negeri supaya tambahan elau kepada guru Kelas Perpaduan Rakyat.

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): Datuk Speaker, perkara guru-guru Kelas Perpaduan Rakyat ialah satu masalah ditanggungjawab oleh Kerajaan Pusat tetapi kalau boleh

Kerajaan Negeri akan pertimbangkan perkara ini.

Ahli Kawasan Tasik Glugor (Encik Md. Noor bin Ahmad) : Terimakasih.

(ii) **Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching)** bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan 1 (a), (b), (c), (d), (e) dan (f).

1. [a] Berapakah yunit rumah murah yang dianggarkan perlu untuk menemui kehendak penduduk-penduduk, di Pulau Pinang?
 - [b] Berapakah tambahan tahunan [yearly increase] keperluan rumah ini sejak 1971, iaitu tahun pertama, Rancangan Malaysia Kedua?
 - [c] Setakat ini berapakah buah rumah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri? Berapakah jumlah 'backlog' [jumlah yang tidak sempat dibina] dari Rancangan Malaysia Kedua?
 - [d] Apakah faktor-faktor yang menyebabkan keadaan 'backlog' ini?
 - [e] Apakah langkah-langkah yang Kerajaan cadangkan untuk menyelesaikan masalah 'backlog' perumahan ini dalam jangka Rancangan Malaysia Ketiga?
 - [f] Oleh kerana kekurangan rumah-murah masalah-masalah setinggan telah ujud. Dapatkah Kerajaan menunjukkan sikap yang bersimpati dan peri kemanusiaan apabila menghadapi soal ini?
- [1. [a] How many low-cost housing units have been estimated to meet the housing requirements of our people in the State of Penang?
 - [b] What is the yearly increase of such housing requirements with effect from 1971 i.e. the first year of the 2nd Malaysia Plan?
 - [c] To date, how many houses have been built, by the State Government? What is the backlog of houses which have not been built under the 2nd Malaysia Plan?
 - [d] What are the reasons for this backlog?
 - [e] What are the steps that the Government will take in the Third Malaysia Plan to clear the housing backlog?
 - [f] Due to the shortage of low-cost housing, the problem of squatters has resulted. Will the government view this problem on sympathetic and humanitarian grounds?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Menjawab soalan pertama (a) mengikut kajian Plan Induk Pulau Pinang yang telah dijalankan pada tahun 1970 adalah dijangkakan bahawa lebih daripada 56.000 rumah akan dikehendaki di Negeri Pulau Pinang menjelang akhir tahun 1980.

(b) Kajian tersebut telah mengambil kira tentang tambahan tahunan dan juga jumlah (backlog) sejak tahun 1971.

(c) Sejak tahun 1962, Kerajaan Negeri dan lain-lain agensi negeri telah membina kira-kira 8,400 yunit rumah murah dan rumah pangsa. Di bawah Rancangan Malaysia Kedua, 864 yunit telah dibina. Disebabkan keadaan-keadaan yang tidak dapat dielak, terdapat beberapa di antara projek-projek perumahan yang telah dibina ke Rancangan Malaysia Ketiga.

(d) Sebelum tahun 1969, terdapat satu syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan bahawa Amanah Perumahan hendaklah dilantik sebagai Agensi Pembangunan sesebuah negeri di dalam semua projek perumahan yang dibiayai daripada pinjaman Persekutuan. Malangnya, Kementerian kemudiannya memutuskan untuk membubarkan Amanah Perumahan dan ini telah membangkitkan satu masalah serius di negeri dalam melaksanakan projek-projek perumahan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Akan tetapi, untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk melantik JKR, yang telah mempunyai beban kerja yang berat dengan perlaksanaan lain-lain projek pembangunan sebagai Agensi Pembangunan Kerajaan Negeri bagi projek-projek perumahannya. Satu lagi faktor yang menyebabkan 'backlog' ini adalah inflasi, kenaikan harga-harga secara mengejut dalam bahan-bahan pembinaan semasa tahun-tahun 1970 dan 1971. Maka adalah tidak sesuai pada ketika itu untuk membina rumah-rumah yang berharga lebih daripada harga yang telah dianggarkan kerana pembinaan sedemikian akan melampaui kemampuan kumpulan pendapatan rendah untuk membeli rumah-

rumah tersebut.

(e) Kerajaan Negeri bercadang untuk mempergiatkan Rancangan Pembangunan Perumahannya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan itu, Kerajaan Persekutuan meluluskan satu peruntukan sebanyak \$34,442 juta bagi pembinaan 3,370 yunit rumah murah. Disamping itu satu lagi rancangan perumahan telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri untuk membina 1,006 yunit rumah-rumah peralihan yang berharga kira-kira \$7.74 juta. Tambahan pula, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang juga akan membina 13,500 yunit perumahan murah yang berharga murah dan sederhana di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Rancangan ini dianggarkan berharga lebih daripada \$200 juta.

(f) Adalah menjadi dasar Kerajaan Negeri tidak akan mengusir mana-mana setinggan melainkan dan sehingga tempat kediaman alternatif dapat ditawarkan kepada mereka yang terlibat oleh Rancangan Pembangunan Negeri.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Soalan kedua.

2. [a] Kerajaan Negeri sering merayu kepada peniaga supaya menggunakan kawasan bebas perdagangan yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan. Apakah jenis perniagaan yang Kerajaan fikirkan sesuai untuk kawasan ini?

[b] Siapakah golongan peniaga yang telah menggunakan kemudahan yang sedia ada di kawasan-kawasan ini?

[2. [a] The State Government has often appealed to businessmen to utilise the free trade zones which have been set up by the Government. What types of industries does the Government think are suitable for the areas?

[b] Which category of business have utilised the existing facilities in these areas?]

Ketua Menteri: (a) Tuan Speaker, Zon Perdagangan Bebas ditubuhkan mengikut Akta Zon Perdagangan Bebas tahun 1971, iaitu satu Enakmen Kerajaan Persekutuan. Mengikut seksyen 6(2) Akta tersebut khasnya seksyen 6(2)(b)(i):

“Barang-barang dalam sesuatu zon perdagangan bebas boleh — melainkan jika selainnya diarah oleh Pihak Berkuasa—

(i) disimpan, dijual, dipamirkan, dipecah-pecahkan, dibungkus semula, dipasang, diedarkan, diisih, diperingkat, dibersihkan, dicampur atau selainnya diken-delat atau dikilang mengikut peruntukan-peruntukan Akta ini”

Mengikut seksyen 7(1) Akta “Tiada apa-apa perdagangan jual runcit boleh dijalankan dalam sesuatu zon perdagangan bebas melainkan jika dibenarkan oleh Pihak Berkuasa” dan sesuatu perdagangan jualruncit hanya boleh dibenarkan oleh Pihak Berkuasa selepas berunding dengan Pengarah Wilayah Kastam.

Oleh yang demikian, dapat diperhatikan bahawa Akta ini membenarkan berbagai-bagai kategori perniagaan di zon-zon Perdagangan Bebas. Tetapi setakat ini, aktiviti-aktiviti Zon Perdagangan Bebas telah dihadkan kepada pengilangan. Bagaimanapun oleh kerana Akta ini membenarkan lain-lain kegiatan perniagaan maka ianya boleh dijalankan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang perlu dan kelulusan diperolehi daripada mereka yang berkenaan.

Faedah yang diperolehi dari zon-zon Perdagangan Bebas bagi peniaga-peniaga akan membolehkan mereka menjalankan perniagaan mengeksport-semula dengan negeri-negeri berjiran khasnya dan justru itu mengasaskan perdagangan **entrepot** yang mana negeri kita menjadi pusatnya pada satu ketika yang lalu.

Akan tetapi, seperti yang dinyatakan tadi, zon-zon Perdagangan Bebas di Pulau Pinang pada masa ini hanya diliputi oleh sektor pengilangan dan semua perusahaan yang telah ditubuhkan di dalam kawasan-kawasan Zon Perdagangan Bebas adalah bercorak eksport. Faedah-faedah hasil daripada penubuhan kilang-kilang ini di zon-zon Perdagangan Bebas ialah pengujudan peluang-peluang pekerjaan, pertukaran kemahiran dan teknologi serta mem-

buka jalan untuk pasaran-pasaran antarabangsa. Dengan adanya kilang-kilang ini juga telah menggalakkan lain-lain kegiatan yang bersangkutan dengan "Service Industries" yang mana adalah perlu sebagai satu "back-up service" kepada semua kilang di dalam Zon Perdagangan Bebas.

Zon Perdagangan Bebas telah merupakan satu jalan berfaedah untuk menggalakkan pelaburan asing dan dengan itu bantu memajukan pembangunan ekonomi bukan sahaja dalam negeri tetapi juga dalam negara pada keseluruhannya.

Ini jawapan untuk 2(b), kategori perniagaan yang terdapat pada masa ini dalam Zon Perdagangan Bebas terdiri daripada perniagaan yang berhubungan dengan pengilangan dan pemasangan seperti berikut:—

1. Barang-barang atau komponen-komponen elektronik
2. Alat-alat telecommunication
3. "Precision machinery and instruments"
4. Bahan-bahan getah
5. Bahan-bahan handicraft
6. Synthetic fibres dan tekstail
7. Bahan-bahan elektrik
8. "Shipbuilding"

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Soalan ketiga.

3. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menawan balik perdagangan antara Pulau Pinang dengan Sumatra yang sudah pun lama disalurkan ke Singapura?

[3. What are the steps that have been taken by the State Government to regain the Penang-Sumatra trade have been lost to Singapore?]

Ketua Menteri: Tuan Speaker, pada bulan April 1972, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri telah melawat ke Sumatra untuk membincangkan tentang jalan-jalan memulihkan perdagangan Pulau Pinang — Sumatra yang kian merosot. Ini telah diikuti pula dengan satu lawatan oleh perwakilan perdagangan dari Sumatra ke Pulau Pinang yang terus membincangkan dan berhubung dengan

rakan-rakan perniagaan mereka di wilayah ini dan juga dengan Dewan-Dewan Perniagaan.

Akibat langkah-langkah Perwakilan-perwakilan Perdagangan di antara dua negeri ini, Kerajaan Indonesia telah mengambil bahagian dalam Pesta Pulau Pinang pada tahun 1976 dan tahun 1977, dan sebagai tindakbalas atas penyertaan mereka dalam Pesta kita, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Dewan-Dewan Perniagaan dan Federation of Malaysian Manufacturers Association, telah menyertai dalam Pesta Medan dalam bulan Mei, baru-baru ini. Adalah diharapkan lawatan-lawatan ini di antara dua negeri serta penyertaan dalam Pesta-Pesta Perdagangan di Pulau Pinang dan Medan, perhubungan perdagangan dan perniagaan di antara kedua-dua negeri akan diperkukuhkan lagi dan justru itu membuka peluang-peluang perniagaan yang lebih banyak kepada golongan-golongan peniaga di kedua-dua negeri.

Saya tambah sedikit. Berikut jumlah perdagangan di antara Pulau Pinang dengan Indonesia, dua-dua tahun selepas tahun 1971 ialah di tahun 1971 jumlah ialah berikut — \$115,637,000; dan tahun 1973 iaitu selepas 2 tahun ada kurangan sampai \$103,139,000 dan tahun 1975 dia naik lagi sampai \$146,090,000 dan jumlah peruntukan tahun 1977 belum diketahui.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (Encik Ng Swee Ching): Soalan 4 (a), (b), (c), (d), (e).

4. [a] Apakah syarat-syarat yang mana pemborong kockoc baru untuk Keretapi Bukit Bendera diikat untuk membuat kockoc itu?
- [b] Pernahkah suatu kajian [feasibility study] dibuat untuk memastikan kejayaan projek ini? Kalau tidak, mengapa?
- [c] Kalau kajian pernah dibuat, mengapakah baru sahaja didapati yang kockoc itu tidak sesuai dalam iklim di sini?
- [d] Berapakah jumlah perbelanjaan bagi projek menukar kockoc baru ini? Berapakah jumlah perbelanjaan tambahan yang akan dikenakan untuk membaiki kockoc itu? Siapakah yang akan bertanggungjawab di atas perbelanjaan sedemikian?

[e] Apakah Kerajaan Negeri akan menamatkan perkhidmatan Pengerusi Lembaga Bukit Bendera [Hill Railway Board] oleh kerana kelalaiannya dalam melaksanakan projek tersebut:—

[4. [a] What are the terms and conditions binding the firm responsible in supplying the new coaches to Penang Hill Railway?

[b] Was there a feasibility study made to ensure the success of this project? If not, why?

[c] If a feasibility study had been carried out, why are the coaches not suitable in our climate?

[d] What is the cost of installing the new coaches? What is the additional cost incurred in carrying out repairs to the coaches? Who is responsible for this expenditure incurred?

[e] Will the State Government terminate the service of the Chairman, Hill Railway Board for his negligence in implementing the said projects?]

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): (a) Datuk Speaker, syarat-syarat yang mana pengeluar gerabak baru diikat adalah seperti yang tercatat dalam kontrak No. 74011/1A, dan tidaklah praktik menurunkan syarat-syarat dalam jawapan ini oleh kerana buku kontrak mengandungi 186 muka dan juga 4 keping pelan.

Untuk jawapan 4(b) ialah Ya.

Untuk jawapan (c), masalah yang timbul sekarang ialah mengenai masalah pertukaran udara (ventilation problem). Walau bagaimanapun pemborong gerabak baru ini sedang mengambil tindakan untuk memperbetulkan keadaan tersebut.

Untuk jawapan 4(d), kos bagi kontrak No. 74011/1A ini ialah sebanyak \$2,300,000 Malaysia bagi membekalkan 4 buah gerabak. Pada masa sekarang tidak ada perbelanjaan tambahan yang terlibat oleh sebab pemborong akan bertanggungjawab terhadap semua perbelanjaan yang akan berlaku dalam tempoh penyelenggaraan mulai 30.3.1978 hingga 29.3. 1979. Untuk menjawab bahagian yang ketiga dalam soalan ini, Kerajaan Negeri akan bertanggungjawab di atas perbelanjaan Kontrak ini.

Datuk Speaker, untuk jawapan 4(e), tidak. Untuk makluman, tidak ada Lembaga yang bernama Lembaga Landasan Bukit (Penang Hill Railway Board) pada masa sekarang, tetapi Kerajaan ada melantik seorang Pengerusi Keretapi Bukit Bendera.

(iii) **Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh) bertanya kepada Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan yang pertama (a), (b), (c) dan (d).

1. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah perbekalan pondok-pondok talipon yang telah lama dipohon oleh penduduk-penduduk luar bandar di tempat-tempat yang tersebut di bawah ini akan dipasangkan?

[a] Rumah Murah Jalan Bukit Pancor, Nibong Tebal

[b] Sungai Baong, Sungai Bakap

[c] Ladang Valdor

[d] Sungai Kecil Kem?

[1. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House when will the telephone booths be supplied to rural residents in the following areas:—

[a] Low-Cost Housing in Jalan Bukit Pancor, Nibong Tebal.

[b] Sungai Baong, Sungai Bakap

[c] Ladang Valdor

[d] Sungai Kecil Kem?]

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, bagi menjawab soalan pertama, perkhidmatan pondok-pondok talipon di Sungai Baong (Sungai Bakap), Ladang Valdor dan Sungai Kecil Kem akan dijalankan pada tahun ini juga. Di Rumah Murah Jalan Bukit Pancor, Nibong Tebal pondok talipon akan dipasang apabila dicadangkan oleh Pegawai Daerah dan diluluskan oleh Kementerian Perhubungan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan 2 (a) dan (b).

2. [a] Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan Negeri akan membina jalanraya dari Kampung Ladang Victoria ke Nibong Tebal?

[b] Jika ada, bolehkah Yang Amat Berhormat memberitahu Dewan ini, tarikh perlaksanaannya dan bagaimanakah perkembangan projek ini?

[2. [a] Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the State Government will construct a road leading from Kampung Ladang Victoria to Nibong Tebal?

[b] If so, can the Hon'ble Chief Minister inform this House when will it be implemented and what is the progress of the project?]

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, untuk menjawab soalan (a) cadangan jalan dari Kebun Victoria ke Rantau Panjang, Nibong Tebal telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga.

(b) Kerja-kerja jalan dijangka siap pada tahun 1979. Dan urusan pengambilan tanah sedang dijalankan dan dijangka siap pada tahun ini juga.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad bin Salleh): yang Berhormat Datuk Speaker, soalan ketiga.

3. Kerajaan Negeri telah meluluskan dua projek jalanraya kampung di Ladang Trans Krian dan Cangkat Dain. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah projek ini akan dimulakan dan tarikh projek itu dijangka siap?

[3. The State Government has approved two rural road projects in Ladang Trans Krian and Cangkat Dain. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House when this project will be implemented and when is it scheduled completion?]

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, untuk menjawab soalan 3(a) berkenaan dengan pembinaan Jalan Ladang Trans Krian — Permatang To' Mahat, saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa pembinaan pembetong-pembetong di sepanjang jalan baru ini telah dimulakan pada bulan Disember 1977 dan telah siap. Dokumen Meja Tawaran untuk kerja-kerja tanah telah disediakan dan tawaran-tawaran untuk pembinaan jalan akan dipelawa tidak lama lagi.

Untuk menjawab soalan (b) berkenaan

an dengan pembinaan Jalan Cangkat Dain Mk. 5, urusan pengambilan tanah akan dijalankan oleh Pemungut Hasil Tanah Nibong Tebal pada bulan Mei, 1978. Adalah dijangka kerja-kerja jalan akan siap pada tahun 1979.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad bin Salleh): Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan keempat (a) (i), (ii) dan (iii).

4. [a] Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada Kerajaan akan menjalankan projek bekalan elektrik ke kampung yang tersebut di bawah ini:

[i] Kampung Tengah, Batas Ban Sungai Aceh

[ii] Kampung Permatang Ara Sungai Bakap

[iii] Kampung Sethu Jawa Sungai Bakap

[b] Jika Kerajaan akan melaksanakan projek ini, bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah projek ini akan dilaksanakan?

[4. [a] Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether the Government will implement the electrification project to the following villages:—

[i] Kampung Tengah, Batas Ban Sungai Aceh.

[ii] Kampung Permatang Ara Sungai Bakap

[iii] Kampung Sethu Jawa Sungai Bakap?]

[b] If so, will the Hon'ble Chief Minister inform this House when will this project be implemented?]

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, untuk menjawab soalan 4 (a), Kerajaan akan menimbangkan projek-projek bekalan elektrik tersebut. Sebagaimana Yang Berhormat sedar, rancangan-rancangan bekalan elektrik di kawasan luarbandar harus diselarasakan dengan projek-projek LLN pada keseluruhannya sebelum ianya boleh diluluskan. Kerajaan Negeri akan meluluskan projek-projek sebaik sahaja kelulusan diperolehi.

Untuk soalan 4 (b) juga saya sudah jawab.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad bin Salleh): Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan kelima (a) dan (b)

5. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini jumlah yunit rumah murah yang didirikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang semenjak ianya ditubuhkan untuk rumah-rumah di kawasan yang berikut:—

[a] Rumah harga \$20,000 ke atas di Bayan Baru

[b] Rumah harga \$15,000 ke atas di Bayan Baru dan di Seberang Jaya?

- [5. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House how many low-cost housing units have been constructed by P.D.C. since its establishment for the following types of houses in the following areas:—

[a] Houses costing \$20,000 and above in Bayan Baru

[b] Houses costing \$15,000 and above in Bayan Baru and Seberang Jaya?

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Tuan Speaker, soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah tidak jelas kerana Yang Berhormat bertanya tentang jumlah yunit rumah murah yang didirikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, tetapi maklumat yang diperlukan adalah untuk rumah yang berharga \$20,000 ke atas dan \$15,000 ke atas. Saya anggapkan bahawa maklumat yang dikehendaki ialah tentang jumlah yunit rumah-rumah yang didirikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang berharga \$20,000 ke bawah dan \$15,000 ke bawah. Jawapannya adalah seperti berikut:

- (a) Bilangan yunit rumah yang berharga \$20,000 ke bawah yang dibina di Bayan Baru sejak tertubuhnya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang adalah:

(i) Rumah Klaster	455 yunit
(ii) Rumah Panalex	197 yunit
(iii) Rumah Pangsa (Pusat Kecil)	36 yunit
(iv) Rumah Pangsa (Point Block)	600 yunit
Jumlah:	1,288 yunit

- (b) Bilangan yunit rumah yang berharga \$15,000 ke bawah di Bayan Baru dan Seberang Jaya adalah:

(i) Rumah Klaster Bayan Baru	455 yunit
(ii) Rumah Klaster Seberang Jaya	418 yunit
(iii) Rumah Pangsa Bayan Baru	612 yunit
(iv) Rumah Pangsa Seberang Jaya	360 yunit
Jumlah:	1,845 yunit

Ahli Kawasan Sungai Aceh (Encik Ahmad bin Salleh): Terimakasih, Yang Berhormat Datuk Speaker, soalan keenam.

6. Sepertimana yang dimaklumkan di Dewan ini, Kerajaan Negeri telahpun mendirikan rumah peralihan di beberapa tempat. Bolehkah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:

[a] Kawasan-kawasan yang sudah didirikan.

[b] Berapakah yunit-yunitnya

[c] Peratus rumah-rumah peralihan yang telah siap dan bila ianya boleh diduduki.

- [6. As this House is aware, the State Government has already constructed transitional houses in various areas. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House:

[a] the areas where such transitional housing units are built.

[b] the number of units.

[c] percentage of units that have been completed and when it can be ready for occupation?]

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Speaker, Projek Perumahan di kawasan peralihan yang dirancang oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut: (a) dan (b) dari jumlah 13 projek yang dirancang sejumlah 10 projek telah dimulakan kerja-kerja pembinaannya dan tapak-tapak projek adalah seperti berikut:—

Nama projek/ kawasan	Jumlah yunit
(1) Sg. Pinang (Per. IA & IB)/Pulau Pinang	199 yunit

(2) Sg. Pinang (Per.II)/ Pulau Pinang	62 yunit
(3) Taman Brown, Bukit Glugor/Pulau Pinang	140 yunit
(4) Permatang Damar Laut/ Pulau Pinang	54 yunit
(5) Teluk Bahang/Pulau Pinang	46 yunit
(7) Sungai Dua/Seberang Perai	12 yunit
(8) Permatang Tinggi/ Seberang Perai	52 yunit
(9) Kampong Baru Valdor/ Seberang Perai	42 yunit
(10) Belakng JKR Quarters di Bukit Pancor/S.Perai	60 yunit
Jumlah:	696 yunit

- (c) Sehingga kini 54 yunit telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri dan dijangka akan diuntukkan pada bulan Mei ini. Namun demikian, sejumlah 696 yunit dijangka siap pada penghujung tahun 1978 ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Speaker, soalan ketujuh (a), (b), (c) dan (d).

7. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, 1976—1980, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang merancang untuk mendirikan 13,500 yunit perumahan dan 432,400 kaki persegi ruang-ruang perniagaan di bandar-bandar dan di luar bandar. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini berapakah yunit yang akan didirikan dalam tempoh 1976—1978:

- Di bandar
- Luar Bandar
- Ruang-ruang Perniagaan [di bandar]
- Ruang-ruang Perniagaan di luar bandar.

7. Under the Third Malaysia Plan, 1976—1980, the P.D.C. plans to build 13,500 low-cost housing units and 432,400 sq. ft. of trading space in both urban and rural areas. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House how many units shall be constructed in the period 1976—1978 as follows:

- Urban areas
- Rural areas
- Trading space in urban areas
- Trading space in rural areas

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Bilangan yunit rumah dan ruang-ruang per-

niagaan yang didirikan dan yang akan didirikan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang pada tahun 1976—1978 adalah seperti berikut (Lampiran A):—

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Speaker, soalan kelapan (a) dan (b).

8. [a] Adakah pihak Kerajaan sedar bahawa bilangan penduduk-penduduk telah bertambah dengan pesatnya di Daerah Nibong Tebal dan pasar yang ada buat masa ini tidak memadai?

- [b] Jika sedar, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini samada sebuah pasar yang baru akan dibina?

- [8. [a] Is the Government aware that the population in Nibong Tebal is rapidly increasing and that the existing market is no longer adequate?

- [b] If so, can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether a new market will be built?]

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Speaker, jawapan saya kepada soalan 8 (a) ialah ya dan kepada (b), Majlis Perbandaran sedang mencari sebuah tapak untuk pembinaan tapak tambahan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Speaker, soalan kesembilan (a) dan (b).

9. [a] Memandangkan kepada bilangan penduduk-penduduk Daerah Nibong Tebal yang begitu ramai, terutama di kalangan belia-belia, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk mendirikan sebuah Kompleks serbaguna di Daerah ini?

- [b] Jika ada, bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah Kerajaan akan mendirikannya dan di mana tempatnya?

- [9. [a] In view of the large population in Nibong Tebal in particular youths, does the Government intend to construct a multi-purpose complex in the said District?

- [b] If so, can the Hon'ble Chief Minister inform this House when will the Government construct it and where?]

(a) Di Bandar:	Telah didirikan	Sedang didirikan	Akan didirikan	Jumlah
(i) Bayan Baru 1976/1977 1978	537 yunit —	936 yunit —	— 599 yunit	1,473 yunit 599 yunit
(ii) Seberang Jaya 1976/1977 1978	615 yunit —	674 yunit —	— 1,262 yunit	1,289 yunit 1,262 yunit
(iii) Macallum Street Ghaut 1977 1978	56 yunit —	— —	— 148 yunit	56 yunit 148 yunit
(iv) Weld Quay	36 yunit <u>1,244 yunit</u>	— <u>1,610 yunit</u>	— <u>2,009 yunit</u>	36 yunit <u>4,863 yunit</u>
(b) Di Luar Bandar:				
(i) Sun Tai Ara 1977	94	—	—	94 yunit

	Telah didirikan	Sedang didirikan	Akan didirikan	Jumlah Jumlah	
(c) Di Bandar (Ruang Per- niagaan)					
(i) Bayan Baru 1976/1977	4,000 kaki persegi	—	—	40,000 kaki persegi	
1978	—	—	26 rumah kedai (52,000 kaki persegi)	52,000 kaki persegi	
(ii) Seberang Jaya	—	—	38,000 kaki persegi	38,000 kaki persegi	19
(iii) Macallum Street Ghaut 1978	—	—	144,000 kaki persegi (72 buah rumah kedai/gerai)	144,000 kaki persegi	
(iv) Weld Quay	4,760 kaki persegi 7 buah rumah kedai)	—	—	4,760 kaki persegi	
	<u>44,760 kaki persegi</u>	—	<u>234,000 kaki persegi</u>	<u>278,760 kaki persegi</u>	
(v) Di Luar Bandar (Ruang Perniagaan)	—	—	—	—	

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): Datuk Speaker, jawapan saya untuk soalan 9 (a) ialah Kerajaan Negeri pada masa sekarang tidak ada apa-apa rancangan untuk mendirikan sebuah kompleks serbaguna di Daerah ini.

Jawapan untuk soalan (b) ialah, walau bagaimanapun, dasar Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ada rancangan jangka panjang untuk mendirikan kompleks di tiap-tiap daerah di Malaysia.

(IV) Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali) bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan pertama.

1. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memperbaiki taliair di Negeri ini? Jika ada, adakah cadangan ini dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga?
- [1. Does the Government propose to improve irrigation facilities in this State? If so, is this proposal included in the third Malaysia Plan?]

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Speaker, bagi menjawab soalan Yang berhormat Ahli Kawasan Sungai Dua, iaitu soalan yang pertama, adalah seperti berikut: Kerajaan ada rancangan jangka panjang untuk memodenkan kemudahan-kemudahan pengairan di seluruh Negeri. Sebenarnya tindakan telah diambil semenjak penghujung tahun 1976 untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan pengairan di Sungai Acheh yang meliputi kawasan seluas 3,109 ekar. Kerajaan Negeri telah mendapati kawasan-kawasan padi utama yang memerlukan pembaikan di atas kemudahan-kemudahan seperti berikut:—

Sungai Muda yang melibatkan 17,580 ekar

Pinang Tunggal yang melibatkan 3,150 ekar

Sungai Jarak yang melibatkan 1,950 ekar

Sungai Kulim yang melibatkan 9,050 ekar

Akan tetapi kerja-kerja ini akan memerlukan perbelanjaan sekurang-kurangnya \$40 juta (\$1,250 perbelanjaan bagi tiap-tiap seekar). Oleh itu

bukan sahaja perlu mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tetapi juga kerja-kerja perlu dilaksanakan sekurang-kurangnya di dua peringkat Rancangan Pembangunan 5 tahun yang akan datang.

Dengan siapnya pembaikan-pembaikan di atas kemudahan perairan yang sedia ada akan membolehkan penanaman padi dalam masa 4 bulan semusim dan tidak 5½ bulan seperti sekarang. Ini akan membolehkan penanaman padi 5 musim padi dalam masa dua tahun.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Datuk Speaker, soalan kedua.

2. Adakah Kerajaan sedar bahawa akibat sistem pengairan yang tidak sempurna di kawasan Bendang 4, Seberang Perai Tengah, petani-petani di sekitar kawasan Permatang Janggus, Paya Cong, Bukit Indera Muda dan Permatang Ara, menghadapi kerugian dan kerosakan tanaman padi? Jika sedar, bilakah rancangan jangka pendek akan dilaksanakan bagi mengatasi kesulitan mereka?
- [2. Is the Government aware that due to inadequate drainage in Kawasan Bendang 4, P.W.C., farmers around Permatang Janggus, Paya Cong, Bukit Indera Muda dan Permatang Ara experience great loss and damage to their padi? If so, when will a short-term project be implemented to alleviate their problems?]

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Speaker, jawapan untuk soalan yang kedua ialah, adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa Kerajaan tidak memberi apa-apa perhatian terhadap masalah saliran di kawasan Bendang Mukim 4, Seberang Perai.

Kawasan-kawasan yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat meliputi keluasan seluas kira-kira 885 ekar sahaja yang menjadi sebahagian daripada sejumlah kawasan 9,050 ekar, yang menghadapi masalah kemudahan saliran yang buruk dan takungan air.

Kerajaan sedar akan keperluan untuk memperbaiki saliran di kawasan-kawasan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kawasan Sungai Dua. Kerajaan sedang dalam

proses melaksanakan dua rancangan besar, iaitu:—

- (a) Pembinaan Empangan Perai;
- (b) Pembinaan Sungai Jelutong (Parit Keling), Sungai Sintok dan Sungai Samagagah, yang mana akan dapat mengatasi masalah saliran di kawasan-kawasan ini apabila ianya siap dibina.

Projek-projek jangka pendek atau projek-projek serta-merta untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh kawasan-kawasan kecil ini tidaklah mungkin dan tidak berfaedah dari segi teknik ataupun ekonomi.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Datuk Speaker, soalan ketiga.

3. Bilakah bantuan kewangan seperti mana yang telah diminta oleh Jawatankuasa Pertanian Negeri akan diberi kepada petani-petani di kawasan-kawasan sekitar Permatang Janggus dan Paya Cong yang mana kawasan-kawasan padi mereka telah menjadi tanah rang disebabkan tanamantanaman mereka telah ditenggelami air dan diserang tikus?

- [3. When will financial assistance as requested by the State Agriculture Committee be given to help the farmers around Permatang Janggus and Paya Cong whose lands have been badly eroded by flood and ravaged by rats?]

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Bagi menjawab soalan ketiga, Datuk Speaker, permohonan bantuan-bantuan pemulihan adalah sekarang di dalam pertimbangan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali): Datuk Speaker, soalan keempat.

4. Di satu Majlis taklimat, Y.A.B. Ketua Menteri telah menyatakan bahawa sebuah rumah kelompok dan rumah pangsa yang akan dibina di tiap-tiap kawasan Pilihanraya Negeri akan berharga \$7,500 tidak termasuk harga tanah. Adakah terdapat apa-apa perubahan dalam harga bagi rumah-rumah tersebut?

- [4. At a briefing, the Hon'ble Chief Minister has stated that each cluster house and low-cost flat that will be built in all the State constituencies cost \$7,500 excluding the cost of land. Is there any

change in the price of these units?]

Ahli Kawasan Ayer Itam (Encik David Choong Ewe Leong): Datuk Speaker, jawapan untuk soalan keempat ialah anggaran harga \$7,500 yang disebutkan adalah anggaran harga pembinaan sahaja bagi rumah-rumah jenis kembar empat yang sedang dibina di kawasan-kawasan Dewan Undangan Negeri. Dari harga tawaran yang diterima terdapat harga-harga dikemukakan adalah dalam lingkungan \$7,500. Walau bagaimanapun harga \$7,500 yang dinyatakan adalah sebagai panduan dan tertakluk kepada perubahan-perubahan keadaan pasaran di masa hadapan.

(V) Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): bertanya kepada Ketua Menteri:

Datuk Speaker, soalan yang pertama (a), (b) dan (c).

1. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah sistem pengairan dan serangan musuh tanaman di kawasan-kawasan berikut:—
 - a) Kawasan Pasir Gebu tepi Laut Mukim I
 - b) Kawasan Permatang Keriang Mukim I
 - c) Kawasan Padang Benggali Mukim 4

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan kedua.

2. Bila dan manakah jalan-jalan baru akan dibina di kawasan Penaga?
- [2. When and where will new roads be constructed in Penaga?]

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Datuk Speaker, bagi menjawab soalan kedua, jalan-jalan baru yang berikut telah diluluskan di dalam Kawasan Penaga iaitu Kawasan Ahli Yang Berhormat sendiri.

(1) Jalan Rantau Panjang — Permatang Bendahari (Negeri)

Kerja-kerja atas pembinaan pembetong dan titi telah siap. Kerja-kerja jalan sedang dijalankan dan

dijadualkan siap pada tahun 1979.

(2) **Jalan Permatang Kuan Kecil — Lahar Kepar (Persekutuan)**

Tawaran untuk kerja-kerja tanah dan pembetong akan tutup pada 10.5.1978, dan kerja-kerja tanah dijadualkan siap pada tahun hadapan.

(3) **Jalan Padang Tembusu — Jalan Bakar Kapur (Persekutuan)**

Kerja ukur dan rekabentuk telah siap. Tawaran untuk kerja jalan sedang diproses. Kerja-kerja jalan dijadual siap pada tahun 1978.

(4) **Jalan Pasir Gebu (Persekutuan)**

Ibu Pejabat J.K.R. Kuala Lumpur telah menugaskan seorang perunding untuk mengukur, merekabentuk dan menyediakan dokumen meja tawaran bagi jalan tersebut di atas. Kerja-kerja jalan dijadualkan siap pada tahun 1978.

(5) **Jalan Permatang Kuan Kecil — Permatang Tuan Besar (Persekutuan)**

Ibu Pejabat J.K.R. Kuala Lumpur telah menugaskan seorang perunding untuk mengukur, merekabentuk dan menyediakan dokumen meja tawaran bagi jalan tersebut di atas. Kerja-kerja jalan dijadualkan siap pada tahun 1979.

[1. What are the steps being taken by the Government to overcome the problems of irrigation and destruction of crops by pests in the following areas:—

[a] Pasir Gebu Tepi Laut, Mukim 1

[b] Permatang Keriang, Mukim 1

[c] Padang Benggali, Mukim 4

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Speaker, bagi menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Hassan dari Kawasan Penaga, Kerajaan memang sedar akan masalah-masalah ini. J.P.T. telah dimiitna menjalankan satu kajian teliti untuk membolehkan rancangan dan pembinaan dibuat tentang terusan parit dan ban yang perlu bagi tujuan membaiki sistem pengairan di kawasan ini. Di samping itu, satu Pasukan

Tindakan Kawalan Musuh-Musuh Pertanian telah ditubuhkan di peringkat Negeri untuk mengawal serangan musuh-musuh tanamam. Adalah perlu bagi Kerajaan Negeri memperoleh bantuan daripada Kerajaan Persekutuan melalui kumpulan wang supaya dapat melaksanakan kerja-kerja pembaikan ini. Masalah-masalah ini telah dibawa ke perhatian Kementerian Persekutuan yang berkenaan untuk pertimbangannya.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan tambahan: Bagaimanakah Pasukan ini mengawal?

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Speaker, Pasukan yang telah ditubuhkan ini adalah sedang di dalam perundingan cara dan bagaimanakah hendak mengawal keadaan-keadaan ini.

(6) **Jalan Permatang Rawa (Persekutuan)**

Ibu Pejabat J.K.R. Kuala Lumpur telah menugaskan seorang perunding untuk mengukur, merekabentuk dan menyediakan dokumen meja tawaran bagi jalan tersebut di atas. Kerja-kerja jalan dijadualkan siap pada tahun ini.

(7) **Jalan Padang Benggali — Penaga (Persekutuan)**

Ibu Pejabat J.K.R. Kuala Lumpur telah menugaskan seorang perunding untuk mengukur, merekabentuk dan menyediakan dokumen meja tawaran bagi jalan tersebut di atas. Kerja-kerja jalan dijadualkan siap pada tahun depan.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, apakah maksud kerja jalan siap?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Di dalam perlaksanaan.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan yang ketiga.

membiayai perbelanjaan menjaga dan mengawal dewan-dewan orangramai?

- [3. Will the Government maintain and upkeep community halls?]

Ahli Kawasan Sungai Bakap (Encik S.P. Chelliah): Datuk Speaker, Kerajaan sadar akan masalah menjaga dan mengawal dewan-dewan orangramai. Adalah diharapkan bahawa penduduk-penduduk di kawasan-kawasan yang berkenaan dapat menjaga dan mengawal dewan-dewan ini. Pada masa sekarang, dengan organisasi J.K.K.K. yang telah ditubuhkan maka dewan-dewan orangramai bolehlah dijaga dan digunakan dengan lebih baik.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan 4 (a) dan (b).

4. [a] Adakah peniaga-peniaga kecil barang-barang runcit di luar bandar Seberang Perai dikehendaki mendaftar dengan pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan bayaran \$50.00 setahun?

[b] Jika perlu, adakah Kerajaan sadar bahawa bayaran ini terlalu tinggi? Bolehkah pendaftaran seumpama itu dikaji ataupun dimansuhkan memandangkan bahawa peniaga-peniaga telahpun berdaftar dengan pihak Pendaftar Perniagaan Persekutuan?

- [4. [a] Are shopkeepers outside the town limits of Seberang Perai required to register with the Municipal Council, Province Wellesley at a fee of \$50.00 per annum?

[b] If so, is the Government aware that the fee is too high? Can this registration be reviewed or even revoked in view of the fact that they are already registered with the Federal Registrar of Trade?]

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh Ewe Lim): Datuk Speaker, semua peniaga-peniaga kecil barang-barang runcit dikenakan bayaran lesen sebanyak \$50.00 setahun dan bukan bayaran pendaftaran kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Bayaran ini adalah untuk kawasan dalam dan luar bandar. Walau bagaimanapun, bayaran lesen ini sedang dikaji semula berikutan daripada be-

berapa perwakilan yang telah dibuat kepada Majlis.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan yang kelima.

5. Apakah perkembangannya sekarang mengenai sebuah kompleks pengering padi Lembaga Padi dan Beras Negara atau Kerajaan Negeri yang amat-amat dikehendaki oleh kaum petani di Seberang Perai?

- [5. What is the progress to date of a padi drying complex by Lembaga Padi dan Beras Negara or the State Government which is urgently needed by the farmers in Seberang Perai?]

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Datuk Speaker, bagi menjawab soalan yang kelima, pada masa sekarang beberapa agensi pusat sedang menjalankan percubaan-percubaan mengenai sesuatu alat pengering yang dipanggil "flat-bed driers" bagi tujuan mengadakan kemudahan mengering padi di kawasan-kawasan penanaman padi. Alat sedemikian boleh menemui keperluan petani-petani di Seberang Perai.

Untuk percubaan ini sebanyak 15 unit alat pengering telah diperuntukkan kepada Malaysia di bawah Rancangan Kerjasama Australia ASEAN.

Kursus tentang penggunaan alat pengering yang dimaksudkan itu telah dirasmikan oleh Y.B. Menteri Pertanian pada 10.4.1978 di Alor Setar, Kedah.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (Encik Ahmad bin Salleh): Datuk Speaker, soalan tambahan: Dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang lalu, kami telah membangkitkan beberapa soalan dan telah mendapat jawapan daripada Pihak Kerajaan yang menyatakan Kerajaan Negeri telah berunding dengan L.P.N. untuk mendirikan sebuah kompleks. Menyentuh soalan ini, pada tahun ini, adakah Kerajaan Negeri telah berunding dengan Kerajaan Pusat untuk men-

dirikan kompleks itu?

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Masih di dalam pertimbangan dan jawapan di atas soalan tadi tiada ada kaitan dengan soalan atau pertanyaan Ahli Yang Berhormat bawa di dalam Mesyuarat yang lalu.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan yang keenam.

6. Adakah difahamkan bahawa Kerajaan akan mengartakan jalan-jalan kampung. Bilakah perlaksanaannya akan dimulakan?

[6. It is understood that rural roads will be tarred by the Government. When will such work be implemented?]

Ahli Kawasan Bayan Lepas (Encik Khalid Ahmad bin Sulaiman): Tuan Speaker, bagi menjawab soalan yang keenam, kerja akan bermula pada bulan Julai tahun ini.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Tuan Speaker, soalan ketujuh.

7. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membantu nelayan-nelayan kecil dengan memberi peruntukan khas kepada mereka di samping peruntukan Pusat yang sangat kurang jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain?

[7. Does the Government intend to help fishermen by providing special financial grants to them besides the Federal grant which is minimal as compared with that provided in other states?]

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Tuan Speaker, bagi menjawab soalan ketujuh, adalah betul peruntukan Persekutuan untuk bantuan subsidi kepada nelayan di Negeri Pulau Pinang adalah sangat kurang, berjumlah \$100,000 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun, tindakan telahpun diambil untuk meminta satu peruntukan tambahan yang berjumlah \$1.1 juta daripada Kerajaan Pusat untuk bantuan subsidi kepada nelayan-nelayan.

Jabatan Perikanan Pulau Pinang sedang menunggu keputusan tentang hal itu.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Datuk Speaker, soalan yang kelapan.

8. Adakah benar bahawa Kerajaan Negeri tidak akan mengekalkan keluasan sawah-sawah padi yang ada sekarang di Seberang Perai kerana nampaknya sudah ada sawah-sawah yang telah dijadikan kawasan-kawasan perusahaan?

[8. Is it true that the State Government does not intend to maintain the existing acreage of padilands in Province Wellesley as can be seen in the conversion of such lands for industrial purpose?]

Ahli Kawasan Datuk Keramat (Datuk Teh ewe Lim): Tuan Speaker, jawapan saya ialah, dasar Kerajaan ialah untuk mengekalkan keluasan sawah-sawah padi yang ada sekarang. Ini memerlukan kerjasama rakyat.

Perlu diingatkan juga iaitu terdapat lebih dari 60 peratus tanah-tanah yang dikeluarkan milik sebelum tahun 1966 adalah bercorak Grant 1st Grade di mana kegunaan tanah tidak terhad. Maka tanah-tanah yang sedemikian adalah di luar kawalan Kanun Tanah Negara dari segi penggunaannya. Tidak wajar bagi Kerajaan menyekat tuan-tuan tanah, terutama yang mempunyai Grant 1st Grade daripada menukarkan tanahnya daripada bendang kepada yang lebih berfaedah seperti perusahaan atau perumahan kerana dengan cara yang demikian, tuan-tuan tanah akan memperolehi lebih banyak keuntungan.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh):

9. Bilakah Kerajaan Negeri akan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar kita yang menuntut di Nilam Puri Kelantan?

[9. When will the State Government provide scholarships to the State scholars studying in Nilam Puri Kelantan?]

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Tuan Speaker, jawapan soalan yang kesembilan, buat ketika ini Kerajaan Negeri belum lagi memberi biasiswa kepada penuntut-penuntut

kita di Nilam Puri, tetapi permohonan bantuan kewangan untuk penuntut-penuntut adalah di dalam pertimbangan.

Permohonan bantuan kewangan dari Badan Siswa Islam Pulau Pinang di Nilam Puri untuk 11 orang penuntut-penuntut seperti di bawah ini berada di dalam pertimbangan Kerajaan buat ketika ini, iaitu:—

1. Abdul Halim bin Abdul Hamid
2. Abdullah bin Haji Jaafar
3. Abu Bakar bin Mat Lazim
4. Adnan bin Abdul Latif
5. Ahmad Baci bin Jaafar
6. Che Yah bt. Hashim
7. Normah bte. Zuhri
8. Noryah bt. Saad
9. Rokiah Haji Ruslan
10. Said bin Muhammad
11. Siti Ramlah Abd. Rahman

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji

Hassan bin Haji Md. Noh): Soalan tambahan, Tuan Speaker: Mengapakah mengambil masa yang begitu lama?

Ahli Kawasan Kubang Semang (Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Bakar): Tuan Speaker, oleh sebab keadaan permohonan ini adalah boleh dikatakan tidak begitu lama yang kita terima, jadi keadaan ini telah dibawa ke dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang berkenaan dan kita kemukakan kepada pihak Kerajaan untuk pertimbangan.

4. (b). JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN

Ketua Menteri: Tuan Speaker, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan adalah dibentangkan di atas Meja Dewan.

[I] Ahli Kawasan Pengkalan kota [Encik C.Y. Choy] bertanya kepada Ketua Menteri:—

1. [a] Apakah sebab-sebab Kerajaan Negeri melambatkan kelulusan untuk membina semula rumah-rumah kepada mangsa-mangsa kebakaran di Kawasan Pengkalan Weld, yang mana rumah-rumah mereka babis dijilat oleh api pada 1hb. Februari, 1978, bagi membolehkan mereka mendapat tempat perlindungan yang sempurna dan menikmati penghidupan seperti biasa dan bukan mendiami di sebuah dewan orangramai yang sesak?
- [b] Bilakah mangsa-mangsa kebakaran telah memohon keizinan daripada Kerajaan Negeri untuk membina semula rumah-rumah mereka di atas tapak yang sama?
- [c] Beberapa lamakah Kerajaan Negeri biasa mengambil untuk memproses permohonan-permohonan khususnya dalam kes-kes yang mendesak dan yang patut diberi pertimbangan khas seperti kes ini?
- [d] Adakah Kerajaan sengaja melambatkan kelulusan kerana nampaknya Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membenarkan penduduk-penduduk asal membina semula rumah-rumah mereka di atas tapak yang sama?

KETUA MENTERI:

1. [a] Selepas penyiasatan, Kerajaan Negeri mendapati bahawa kesemua rumah-rumah yang terlibat telah menyalahi syarat-syarat yang ditetapkan dalam L.T.S. Oleh yang demikian, mereka yang terlibat dalam kebakaran tidak mempunyai apa-apa "legal standing" di atas Lesen-Lesen Tumpangan Sementara yang hanya meliputi tempoh setahun sahaja. Dengan demikian tindakan untuk membina semula rumah-rumah di atas tapak yang sama oleh mereka ini tidak diperakukan. Objektif Kerajaan ialah untuk meninggikan taraf hidup rakyat dan adalah wajar sekiranya mereka dapat ditempatkan di kawasan yang lebih sesuai selaras dengan perkembangan sosio-ekonomi hari ini.
- [b] Mangsa-mangsa kebakaran tidak secara rasmi memohon untuk membina rumah-rumah tersebut tetapi menyampaikan hasrat mereka untuk ditempatkan semula semasa di perjumpaan-perjumpaan yang diadakan dan temuduga-temuduga yang dibuat.
- [c] Kerajaan Negeri sememangnya memandang berat apabila berlaku apa-apa malapetaka. Dalam kes ini, keadaannya harus dikaji dengan telitinya dan ini akan memakan masa.
- [d] Ya, Kerajaan Negeri tidak bersetuju dengan pembinaan semula rumah-rumah tersebut Walau bagaimanapun, peraturan-peraturan untuk menempatkan mereka di projek-projek perumahan murah sedang diselesaikan.

[II] Ahli Kawasan Machang Bubuk [Encik Lim Heng Tee] bertanya kepada Ketua Menteri:—

1. [a] Untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga pada keseluruhannya dan dengan jayanya, apakah bilangan kakitangan yang dikehendaki oleh tiap-tiap Jabatan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun di dalam Negeri Pulau Pinang?
- [b] Berapakah jawatan-jawatan ini yang masih tidak diisi? Sila beri angka-angka pecahan mengikut jabatan.
- [c] Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menentukan supaya kakitangan yang mencukupi akan diambil?
2. Di samping Pesta tahunan yang diadakan pada bulan Disember tiap-tiap tahun, apakah majlis-majlis lain yang akan diadakan di tapak pesta tetap di Sungai Nibong?
3. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini:—
- [a] Berapakah tanah yang telah dipajakan oleh Kerajaan Negeri dalam masa 2 tahun yang lalu bagi maksud perumahan dan yang masih tidak mempunyai rumah-rumah yang didirikan di atasnya seperti yang ditetapkan oleh syarat-syarat dalam pajakan-pajakan itu?
- [b] Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan kedudukan ini?
- [c] Bolehkah Kerajaan menimbangkan untuk memiliki semula tanah-tanah ini bagi me-

majakkannya kepada mereka-mereka yang benar-benar memerlukan tanah?

4. Apakah sebab-sebab kelewatan dalam menyiapkan projek perumahan murah Kerajaan di Permatang Tinggi?
 - [a] Apakah tarikh persiapan yang dijadualkan?
 - [b] Bilakah permohonan untuk rumah-rumah ini akan diterima?
 5. Adakah Kerajaan mempunyai apa-apa rancangan untuk membaiki sistem taliair di kawasan Cherok To'Kun di mana sawah-sawah padi biasanya mengalami kekurangan air? Jika ada, apakah rancangannya? Jika tidak, adakah Kerajaan bercadang untuk membantu penanam-penanam padi di kawasan itu?
 6. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memaklumkan Dewan ini bilakah projek-projek bekalan letrik yang telah diluluskan akan dilaksanakan di kawasan-kawasan luar bandar yang berikut:—
 - [i] Kampung Berangan Sembilan [Bukit Teh]
 - [ii] Kampung Sebelah, Jalan Kulim, Bukit Mertajam
 - [iii] Kampung Manggis, Permatang Tinggi
 7. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberi alasan-alasan atas kelewatan dalam pelaksanaan projek bekalan air ke Kampung Pisang, Cherok To'Kun? Bilakah projek ini akan dilaksanakan?
 8. Bilakah projek bekalan air ke Jalan 4, Kampung Baru, Bukit Mertajam akan dilaksanakan?
 9. [a] Adakah apa-apa pembangunan dan kemajuan di dalam rancangan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk membina sebuah pasar baru di Kampung Baru, Bukit Mertajam?
 - [b] Adakah apa-apa rancangan untuk membina pasar-pasar tambahan di Sungai Rambai, Bukit Kecil, Tanah Liat dan Berapit di daerah Bukit Mertajam?
 10. Adakah Y.A.B. Ketua Menteri sedar bahawa pemborong-pemborong sayur-sayuran di Bukit Mertajam telahpun diberi notis untuk berpindah keluar dari tapak mereka sekarang yang berdekatan dengan padang BMRC disebabkan terdapat projek-projek Kerajaan tertentu di atas tapak yang sama, tanpa memberi satu tapak alternatif bagi perniagaan mereka?
- Bolehkah Kerajaan menentukan supaya sebuah tapak alternatif yang sesuai diberi kepada mereka sebelum mereka dikehendaki berpindah keluar dari tapak yang ada sekarang?
11. [a] Sudahkan Kerajaan memutuskan rancangannya untuk memindahkan tempat pembuangan sampah di Bukit Kecil, Bukit Mertajam akibat rayuan-rayuan daripada penduduk-penduduk tempatan di sana?
 - [b] Adakah Kerajaan bercadang untuk menukarkan kawasan ini kepada sebuah kawasan pembangunan?
 12. Adakah benar bahawa sesuatu projek perumahan swasta di Sungai Rambai, Bukit Mertajam telah diluluskan tanpa peruntukan sistem parit yang sempurna dan telah menyebabkan kawasan-kawasan di sekitarnya selalu dilanda banjir. Jika benar, sila terangkan bagaimana keadaan ini berlaku dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengaasi kedudukannya.

KETUA MENTERI:

1. [a] Jabatan-Jabatan Kerajaan dan Badan-Badan Berkanun telah mencadangkan beberapa jawatan baru diwujudkan untuk pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga. Tidaklah dapat diberitahu di waktu ini jumlah jawatan yang diminta bagi tiap-tiap Jabatan dan Badan Berkanun.
- [b] Pengulusan jawatan jawatan ini dibuat bagi belanjawan pada tiap-tiap tahun. Perlantikan bagi jawatan-jawatan ini dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Urusan ini sedang dijalankan.
- [c] Kerajaan Negeri telah berusaha bersungguh-sungguh mendapatkan kerjasama Kerajaan Pusat.

2. Kerajaan Negeri bercadang untuk menggunakan Tapak Pesta yang tetap di Sungai Nibong bagi maksud mengadakan upacara-upacara yang dapat membawa kebaikan sosial dan ekonomi kepada Negeri.

Selain daripada Pesta Tahunan Negeri Pulau Pinang yang diadakan di Tapak Pesta Sungai Nibong pada bulan Disember, tapak tersebut juga telah digunakan untuk Pesta Ria yang telah berlangsung pada 4hb. Februari hingga 23hb. Februari, 1978.

Kerajaan Negeri bersama-sama dengan Persatuan Arkitek Malaysia [Kawasan Utara] juga sedang dalam proses merancang untuk mengadakan satu pameran "Ideal Home Exhibition" pada bulan Julai yang akan datang ini.

Pada bulan Disember tahun ini [1978] Minggu Australia Selatan di Pulau Pinang juga akan diadakan di tapak tersebut.

Beberapa acara-acara lain yang dicadang untuk diadakan di tapak tersebut pada tahun hadapan sedang dipertimbangkan.

3. [a] Terdapat 34 plot tanah yang mana telah diluluskan pemberian miliknya lebih dua tahun, di mana rumah-rumah belum didirikan. Semua tanah ini adalah di dalam Perkampungan Baharu.
- [b] Kerajaan boleh bertindak di bawah Kanun Tanah Negara untuk mengatasi masalah tersebut.
- [c] Ya.
4. Tidak terdapat kelambatan yang berlaku terhadap penyiapan projek rumah kos rendah di Permatang Tinggi. Tawaran-tawaran telah dipanggil pada 11hb. dan 13hb. Julai, 1977, ditutup pada 29hb. Julai, 1977 dan diterima pada 19hb. September, 1977.
- [a] Projek ini dijangka dapat disiapkan pada 18hb. September, 1978.
- [b] Permohonan-permohonan untuk memiliki yunit-yunit di projek ini mungkin akan dipelawa pada awal bulan Julai, 1978.
5. Bendang yang dimaksudkan oleh Y.B. Ahli Kawasan Macang Bubuk adalah sebuah kawasan padi yang kecil yang bergantung untuk pengairan kepada sebuah anak sungai yang hanya membolehkan penanaman padi satu musim sahaja. Oleh yang demikian, pembinaan sesuatu projek pengairan di kawasan ini adalah tidak "viable" atau tiada kemungkinan dari segi teknik atau ekonomi.

Akan tetapi, Jabatan Parit dan Taliair Negeri sedang menjalankan satu kajian seluruh-negara di atas kawasan-kawasan penanaman padi satu musim dengan tujuan membenarkan kegunaan tanah untuk tanaman-tanaman lain daripada padi. Sebaik sahaja kajian ini siap, Kerajaan Negeri akan memutuskan penggunaan kawasan-kawasan itu.

6. Kerajaan bercadang melaksanakan projek-projek No. [i] dan [ii] dalam tahun 1978 dan 1979 dan bagi projek No. [iii], projek ini telah diluluskan dan tidak dapat disiapkan kerana menghadapi masalah mendapat izin menebang pokok. Satu rayuan bagi mendapatkan kerjasama tuan-tuan tanah yang berkenaan telah dibuat supaya projek ini dapat dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh.
7. Projek bekalan air ke Kampung Pisang, Cherok To'Kun dijadualkan untuk pelaksanaan pada tahun ini. Pada ketika ini, kerja-kerja persediaan bagi melaksanakan projek ini sedang diusahakan.
8. Pada masa ini, bekalan air tersedia di Jalan 4, Kampung Baru, Bukit Mertajam.
9. [a] Majlis Perbandaran Seberang Perai telah memutuskan untuk mengambil Lot 864, Mukim 15, Jalan Kampung Baru, Bukit Mertajam untuk tujuan pembinaan sebuah pasar yang baru. Akan tetapi pembangunan ini akan mengambil masa. Buat sementara waktu, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah memutuskan untuk memajukan tanahnya di Lot 1282, Jalan Kulim sebagai sebuah pasar terbuka yang dijangka dapat berkhidmat kepada orang ramai tidak lama lagi.
- [b] Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang menimbang untuk membina sebuah pasar harian terbuka di Padang Lallang kira-kira satu batu daripada Sungai Rambai. Ianya tidak mempunyai apa-apa rancangan tertentu bagi kawasan-kawasan lain.
10. Ya. Akan tetapi ini adalah satu perkara yang melibatkan Majlis Perbandaran Se-

berang Perai. Majlis Perbandaran Seberang Perai kini sedang mencari satu tapak alternatif supaya penduduk-penduduk yang terlibat akan dapat terus menjalankan perniagaan mereka.

11. [a] Buat masa ini, hanya terdapat satu cadangan untuk memindahkan kawasan pembuangan sampah yang sedia ada dari Bukit Kecil. Sementara itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengurangkan bahaya dari segi kesihatan akibat pembuangan sampah di kawasan tersebut.
- [b] Pada masa sekarang, Kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan tertentu untuk pembangunan kawasan itu.
12. Adalah tidak benar bahawa projek perumahan itu telah diluluskan tanpa peruntukan satu sistem parit yang sempurna.

Pelan Jalan-Jalan dan Pamaritan yang telah diluluskan itu membenarkan untuk 'catch drains' di kedua-dua belah lot perumahan itu, parit monsoon 5'-6" di bahagian hadapan, iaitu selari dengan Jalan Sungai Rambai, dan parit-parit konkrit di tengah-tengah. Pada bahagian-bahagian sempadan yang lain pada lot perumahan itu adalah dikelilingi oleh aliran Sungai Rambai. Kerja-kerja pamaritan apabila selesai, tidak akan menyebabkan lagi kawasan-kawasan sekeliling mengalami banjir.

Pengaduan terhadap banjir timbul semasa pemaju M/s. Makok Development Sdn. Bhd., menimbus parit tanah di tepi jalan yang lama itu tanpa pembinaan satu 'culvert' sementara. Bagi mengatasi keadaan-keadaan banjir di bahagian hulu sungai, pemaju telahpun mengarahkan supaya menggali satu parit tanah sementara di tepi jalan bagi membolehkan air dari hulu sungai mengalir ke dalam Sungai Rambai. Pada masa ini, pemaju sedang dalam proses menggali parit tepi jalan ini.

[III] Ahli Kawasan Pekan Bukit Mertajam [Encik Oh Teck Aun] bertanya kepada Ketua Menteri:

1. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu kepada Dewan ini samada 'tender' sudah dikeluarkan untuk membina dua buah 'Open-Span Bridge' di Sungai Rawa dan Sungai Ara dalam kawasan Kampung Cross Street, Bukit Mertajam? Kalau sudah, bilakah kerja pembinaan akan dimulakan?
2. Bolehkah Y.A.B. Ketua Menteri memberitahu Dewan ini bilakah lampu isyarat di Simpang Jalan Kulim dan Taman Sentosa akan dipasang?
3. Bilakah Geran Hakmilik bagi rumah-rumah murah di Perkampungan Berapit akan dikeluarkan kepada tuanpunya rumah?

KETUA MENTERI:

1. Tawaran-tawaran untuk pembinaan jambatan ini akan dijemput pada bulan Mei tahun ini.
2. Satu pesanan telah dibuat dengan G.E.C. untuk memasang lampu-lampu isyarat. Kerja dijangka akan siap dalam masa tiga bulan atau lebih awal apabila alat-alat kelengkapan yang perlu diuntukkan.
3. Geran milik kepada rumah-rumah murah di Perkampungan Berapit akan dikeluarkan apabila semua ansuran bagi satu-satu peringkat itu selesai dibayar.

[I] The Member for Pengkalan Kota [Encik C.Y.Choy asks the Chief Minister:—

1. [a] What are the reasons of the State Government in delaying approval for the fire victims at the Weld Quay Reclamation Area to rebuild their homes, which had been destroyed by fire on 1st February 1978, so that they could return to proper homes and live normal lives, instead of seeking shelter in a crowded community hall?
- [b] On what date did the fire victims apply for permission from the State Government to rebuild their homes at the same site?
- [c] How long does the State Government take to process applications, especially in urgent and deserving cases like these?
- [d] Is the State Government dragging its feet in delaying approval as it appears that the State Government does not intend to permit the former dwellers to rebuild their homes at the same site?

CHIEF MINISTER:

1. [a] On investigation, the State Government found out that all the homes involved have contravened the terms and conditions as specified in the T.O.L. Therefore, those involved in the fire have no legal standing with regard to the T.O.Ls which were for a term of one year only. Therefore reconstruction of houses on the same site by these persons was not recommended. The aim of the Government is to improve the livelihood of our people and it is proper that they be resettled in more suitable areas in line with the present socio-economic development.
- [b] The fire victims did not apply officially for reconstruction of houses. However they have expressed the hope of being rehoused at meetings and interviews held.
- [c] The State Government has always been concerned whenever any disasters occur. In this case the situation will have to be studied carefully and this will take some time.
- [d] Yes, the State Government do not agree to the reconstruction of the said houses. Nevertheless, arrangements to resettle them in the low-cost housing projects are being finalised.

[II] The Member for Machang Bubuk [Encik Lim Heng Tee] asks the Chief Minister:—

1. [a] In order to implement the Third Malaysia Plan fully and successfully, what is the number of staff required by each and every government department and statutory bodies in the State of Penang?
- [b] How many of these posts have not been filled? Please give breakdown figures departmentally.
- [c] What steps have the State Government taken to ensure that adequate personnel will be recruited?
2. Besides the annual Pesta held in December every year, what other functions will be held at the permanent pesta site at Sungai Nibong?
3. Can the Hon'ble Chief Minister tell this House:—
 - [a] How many pieces of land which have been leased out by the State Government over 2 years ago for housing still do not have houses built on them as stipulated by the terms and conditions of the leases?
 - [b] What steps will the Government take to rectify this situation?
 - [c] Will the Government consider repossessing these lands so as to lease them to those who are truly in need of land?
4. What are the causes of delay in the completion of the government low-cost housing project in Permatang Tinggi?
 - [a] What is the expected date of completion?
 - [b] When will applications for these houses be accepted?
5. Does the Government have any plan to improve the irrigation system in the Cherok To'Kun area where padi fields often suffer from a shortage of water?
If so, what is the plan?
If not, what does the Government propose to do in order to help the padi farmers there?
6. Can the Hon'ble Chief Minister inform the House when the following approved rural electrification projects will be implemented:—
 - [i] Kampung Berangan Sembilan [Bukit Teh],
 - [ii] Kampung Sebelah, Jalan Kulim, Bukit Mertajam,
 - [iii] Kampung Manggis, Permatang Tinggi?
7. Can the Hon'ble Chief Minister give reasons for the delay in the implementation of water supply project to Kampung Pisang, Cherok To'Kun? When will the project be carried out?
8. When will the water supply project to Jalan 4, Kampung Baru, Bukit Mertajam be

implemented?

9. [a] Is there any development and progress in the Majlis Perbandaran Seberang Perai's plan to build a new market in Kampung Baru, Bukit Mertajam?
- [b] Are there plans to build additional markets in Sungai Rambai, Bukit Kecil, Tanah Liat and Berapit in the Bukit Mertajam District?
10. Is the Hon'ble Chief Minister aware that the vegetable wholesalers in Bukit Mertajam have been given notice to move from their present site near the BMRC padang to make way for certain government projects without being given an alternative site for their business?
Will the Government ensure that a suitable alternative site be provided to them before they are required to move out of the present site?
11. [a] Has the Government finalised its plan to move the existing rubbish dump in Bukit Kecil in Bukit Mertajam in response to the appeals of the local residents there?
- [b] Does the Government intend to turn this area into a development area?
12. Is it true that a certain private housing project in Sungai Rambai, Bukit Mertajam has been approved without the provision of a proper drainage system, resulting in flooding in the nearby areas?
If it is true, please explain how this happened and what steps are being taken to rectify the situation.

CHIEF MINISTER:

1. [a] The Government departments and Statutory Bodies have proposed to create several new posts in implementing the Third Malaysia Plan. However, at present the total number of posts for each and every government department and statutory body cannot be provided as yet.
- [b] The approval of these posts are provided in the budget every year. The appointment is made by Public Services Commission and the exercise is still on.
- [c] The State Government has been trying its best to obtain the co-operation of the Central Government.
2. The State Government intends to use the Permanent Exhibition Site at Sungai Nibong for the purposes of holding functions of social and economic benefit to the State.
Besides the annual Pesta Pulau Pinang held in December each year at the permanent site of Sungai Nibong, the site has also been used for the Pesta Ria which was held on 4th February to 23rd February, 1978.
The State Government together with the Persatuan Arkitek Malaysia [Kawasan Utara] are presently in the process of planning an "Ideal Home Exhibition" to be held this July.
In December, this year [1978] the South Australia Week at Penang will also be held at the said site.
Several other functions proposed to be held at the site for the following year are under consideration.
3. [a] There are 34 plots of land which have been alienated for more than two years and still do not have houses built on them. All these lands are in New Village.
- [b] The Government will take action under the National Land Code to rectify the situation.
- [c] Yes.
4. There is no delay as far as the government low-cost housing project at Permatang Tinggi is concerned. Tenders were called on 11th and 13th July, 1977, closed on 29th July, 1977 and awarded on 19th September, 1977.
- [a] The project is expected to be completed on 18th September, 1978.
- [b] Application for units in the above project will probably be called in early July, 1978.

5. The padi area mentioned by the Honourable Member from Macang Bubuk refers to a small pocket of padi land which depends on a small stream for water that can only allow for single cropping. It is not technically feasible nor economically viable for the construction of an irrigation scheme to serve this area.

Nevertheless, the Drainage and Irrigation Department is carrying out a nation-wide survey in respect of all single cropping padi areas with the view to permit the planting of other crops. As soon as this survey has been completed, the Government will make a decision on the utilisation of such areas.

6. The Government intends to implement project No. [i] and [ii] in 1978 and 1979 respectively while project No. [iii] which has been approved has yet to be completed due to problems in getting permission to cut down the trees. An appeal to the landowners concerned to give their co-operation has been made in order that the said project can be implemented as soon as possible.
7. The water supply project to Kampung Pisang, Cherok To'Kun is scheduled to be implemented this year. At present, preparatory works for implementing this project are being undertaken.
8. At present, water supply is available at Jalan 4, Kampung Baru, Bukit Mertajam.
9. [a] The Majlis Perbandaran Seberang Perai has decided to acquire Lot 864, Mukim 15, Jalan Kampung Baru, Bukit Mertajam for the construction of a new market. However, this development may take sometime. In the meanwhile Majlis Perbandaran Seberang Perai has decided to develop its land on Lot 1282, Jalan Kulim as an open market which is expected to be operational soon.
- [b] The Majlis Perbandaran Seberang Perai is considering establishing a daily open market at Padang Lallang about one mile away from Sungai Rambai. It has no definite plans for the other areas.
10. Yes. However this is a matter concerning the Majlis Perbandaran Seberang Perai. The Majlis Perbandaran Seberang Perai is now looking for an alternative site so that the people affected would be able to continue their business.
11. [a] At the present time, there is only a proposal to remove the existing rubbish dumping ground from Bukit Kecil. Meanwhile Majlis Perbandaran Seberang Perai has taken precautions to minimise the health hazards as a result of dumping rubbish in that area.
- [b] At the moment the Government has no definite plans for the development of the area.
12. It is not true that the housing project has been approved without the provision of a proper drainage system.

The approved roads and drainage plans allow for catch drains on two sides of the housing lots, 5' 6" monsoon drains at the front, i.e. parallel to Jalan Sungai Rambai and internal concrete drains. The other boundaries of the housing lots are bounded by Sungai Rambai. The drainage works when completed should not cause any flooding to the surrounding areas.

The complaint on flooding arose when the developer M/s. Makok Development Sdn. Bhd. filled the old earth roadside drain without provision of temporary culvert. To alleviate flood conditions upstream, the developer has been instructed to excavate a temporary earth roadside drain to allow water upstream to discharge into Sungai Rambai. The developer is, at the moment, in the process of excavating this roadside drain.

[III] The Member for Pekan Bukit Mertajam [Encik Oh Teck Aun] asks the Chief Minister:—

1. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House whether tenders have been called to construct two open-span bridges in Sungai Rawa and Sungai Ara in Kampung Cross Street, Bukit Mertajam? If so, when will construction begin?
2. Can the Hon'ble Chief Minister inform this House when traffic lights will be installed at the junction of Jalan Kulim and Taman Sentosa?
3. When will Titles Deeds be issued to the owners of the low-cost houses in Berapit

Village?**CHIEF MINISTER:**

1. Tenders for the construction of this bridge will be invited by May this year.
2. An order has been made with the G.E.C. to install the traffic lights. It is anticipated that the work can be completed within 3 months or earlier when the necessary equipment is made available.
3. Title deeds to the Low-Cost Houses in Berapit Village will be issued when all the instalments for each of the phases have been paid up.

5. RANG UNDANG-UNDANG

(1) Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1977) (No. 3), 1978

Bacaan Yang Pertama

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tambahan tahun 1977 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibacakan bagi kali yang pertama.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Tuan Speaker, saya mohon menyokong.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang pertama.

Ketua Menteri: Tuan Speaker, mengikut peraturan Majlis Mesyuarat 59, saya memberi kenyataan bahawa bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang ini akan dicadangkan dengan serta-merta.

Bacaan Yang Kedua

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang bernama "Suatu Enakmen bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1977 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu" dibacakan bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-Undang ini ialah untuk memberi Kuasa Berkanun kepada Kerajaan Negeri bagi memperuntukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$7,900,000 untuk perkhidmatan tahun 1977. Butir-Butir perbelanjaan ini, bersama-sama dengan huraiannya adalah dibentangkan di dalam Dewan ini sebagai Kertas 1 Tahun 1978.

Tuan Speaker, Rang Undang-Undang ini adalah bertujuan memperuntukkan satu peruntukan tambahan sebanyak \$7,900,000 untuk perbelanjaan Negeri di bawah Pecahan Kepala

4100 — Bayaran Pindahan yang tidak diperuntukkan dengan sepenuhnya bagi Anggaran Biasa Tahun 1977. Tujuan Kod Bayaran Pindahan ialah untuk merekodkan pembayaran yang dibuat dengan wang tunai atau secara hadiah seperti caruman, pemberian dan subsidi kepada kuasa-kuasa tempatan, Badan-Badan Berkanun dan kepada Kumpulanwang Pembangunan.

Mula-mulanya peruntukan sebanyak \$1,183,340 telah diperuntukkan dalam Anggaran Biasa Tahun 1977, untuk menemui perbelanjaan ini. Wang sejumlah itu ditambahkan selanjutnya sebanyak \$4,369,105 menurut Anggaran Tambahan Yang Pertama menjadikan jumlah sebanyak \$5,552,445. Peruntukan Tambahan yang pertama sebanyak \$4,369,105 itu ialah bermaksud untuk Majlis-Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai bagi menemui pembayaran kenaikan gaji dan upahan kakitangan-kakitangan mereka akibat perlaksanaan Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun.

Peruntukan tambahan yang ketiga ini dikehendaki untuk memindah sejumlah wang sebanyak \$7,900,000 kepada Kumpulanwang Pembangunan Tahun 1977 oleh kerana peruntukan di bawah Anggaran Pembangunan ini tidak mencukupi untuk menemui perbelanjaan yang telah dilakukan. Perbelanjaan utama di dalam Anggaran Pembangunan di mana wang diperlukan ialah untuk perbelanjaan bagi rancangan-rancangan perumahan murah dan peruntukan pinjaman-pinjaman tambahan kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang bagi maksud yang sama.

Tuan Speaker, wang sejumlah \$4,164,970.31 sahaja telah dibelanjakan untuk projek-projek perumahan murah dalam tahun 1977. Daripada jumlah ini hanya sebanyak \$1,503,259.01 telah dikenakan kepada Kira-kira Pinjaman Yang Disatukan. Baki sebanyak \$2,661,711.30 telah dibelanjakan untuk perumahan kawasan peralihan dan lain-lain rancangan yang mana perbelanjaan telah dikenakan daripada sumber-sumber Kerajaan Negeri oleh kerana pinjaman untuk rancangan-rancangan perumahan be-

lum dibereskan lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan menghargai keazaman Kerajaan Negeri untuk menyediakan rumah-rumah kos rendah, kos murah dan tempat-tempat perlindungan untuk memenuhi keperluan di kalangan orang-orang yang berpendapatan rendah selaras dengan matlamat-matlamat Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam tahun 1977, Jabatan Kerja Raya telah mulai membina sebanyak 2,743 yunit rumah-rumah murah di

- a) Pulau Pinang — 2,029 yunit
- b) Seberang Perai — 714 yunit

Jumlah: 2,743 yunit

yang menelan belanja lebihkurang \$25,904,000. Rancangan ini telah siap dalam tahun 1977 dan yang bakinya dijangka akan siap pada awal tahun hadapan. Jadual selanjutnya untuk membina 1,633 yunit rumah berharga \$17,801,000 sedang diproses untuk dilaksanakan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menghargai peranan yang dipegang oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang sebagai agensi Kerajaan untuk Pembangunan Kerajaan Negeri. Oleh sebab pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan telah tidak diperolehi dalam masa yang mencukupi dan cukup untuk membiayai pembangunan-pembangunan perumahan yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang, maka Kerajaan Negeri telah bersetuju menyediakan pinjaman sejumlah \$3,200,000 kepada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dalam tahun 1977 untuk pembinaan 1,340 yunit rumah murah di Bayan Baru dan 976 yunit di Seberang Jaya melalui agensi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan menyediakan 5,050 yunit perumahan murah dalam Negeri ini.

Adalah satu perkara yang dipandang berat oleh Kerajaan Negeri bahawa sungguhpun terdapat usaha-usaha Kerajaan untuk memberikan kepada rakyatnya lebih banyak lagi rumah murah, terdapat juga mereka menyalahgunakan kesempatan tersebut setelah menerima faedah daripada

Kerajaan. Setakat bulan Januari, 1978, orang-orang yang tidak bertanggungjawab ini telah terhutang tunggakan pembayaran sewa sebanyak \$1,194,700 dan Jawatankuasa Perumahan Negeri akan mengkaji semula kedudukan mereka yang sekarang menduduki projek-projek perumahan murah Kerajaan dan mereka yang telahpun membayar balik sewa mengikut syarat-syarat beli secara sewa selaras dengan syarat-syarat perjanjian untuk menentukan mereka akan memiliki rumah-rumah mereka sendiri melalui Hakmilik Strata secepat mungkin. Walau bagaimanapun Jawatankuasa Perumahan Negeri terpaksa mengambil tindakan Undang-Undang yang ketat bagi menentukan syarat-syarat Perjanjian penyewaan Sementara ke atas mereka yang telah menyalahgunakan keistimewaan yang diberikan dengan mendapat perumahan murah awam untuk mendapatkan balik tunggakan-tunggakan itu. Dalam masa jangka panjang rakyat kita mesti menghargai bahawa kerjasama yang rapat di antara rakyat dan Kerajaan akan menentukan cara kemajuan yang lebih pesat lagi di dalam bidang pembangunan bagi mereka-mereka yang berpendapatan rendah dan pembahagian rumah-rumah Kerajaan Negeri dengan adil.

Tuan Speaker, saya berharap bahawa Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menyokong sepenuhnya Rancangan Perumahan Kerajaan. Usaha mengerahkan tenaga buruh, bahan-bahan dan sumber-sumber kewangan pada keseluruhannya bagi melaksanakan projek-projek perumahan merupakan satu usaha yang terbesar sekali pernah dicuba dalam sejarah Negeri Pulau Pinang.

Tuan Speaker: Saya mohon mencadangkan.

Ahli Kawasan Penaga (Tuan Haji Hassan bin Haji Md. Noh): Tuan Speaker, saya mohon menyokong di atas Rang Undang-Undang Perbekalan bagi tahun 1977.

Datuk Speaker, dalam menyokong Usul yang dibawa oleh Y.A.B. Ketua Menteri, memanglah patut sekali dan

kita berharap dengan kelulusan Rang Undang-Undang ini akan dapat memberi faedah yang lebih banyak kepada rakyat di Negeri Pulau Pinang, khususnya peruntukan-peruntukan mengenai perumahan dan lain-lain lagi. Apa yang saya hendak sebutkan adalah dalam perbahasan ini dan dalam menyokong Usul ini, mengikut keterangan Y.A.B. Ketua Menteri tadi ada menyebutkan bahawa bagi pihak Kerajaan atau dalam Seksyen perumahan ini bagi pihak penduduk-penduduk yang membeli rumah yang disediakan oleh Kerajaan adalah terhutang lebihkurang \$1 juta.

Saya sukaiah menarik perhatian khususnya kepada penghuni-penghuni yang telah memiliki rumah ini patutlah berfikir bahawa senya rancangan itu adalah satu rancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan dan patutlah orang-orang yang telahpun memiliki rumah-rumah itu patut sangat mengambil berat tentang hutang-piutang mereka itu kerana dengan adanya penjelasan dan tidak ada sangkut-sangkut hutang daripada penghuni-penghuni maka berertilah Kerajaan kita dapatlah memainkan peranan yang lebih penting lagi dalam mengatasi masalah-masalah perumahan.

Jadi dengan itu, Datuk Speaker, saya mohon menyokong Usul itu.

Soalan dikemukakan dan Usul diper-setujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang kedua.

Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa Perbekalan

Wang sebanyak \$7,900,000 untuk Kepala B 14 menjadi sebahagian daripada Jadual.

Jadual, Fasal 1, Fasal 2, tajuk penuh dan fasal yang mengundangkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Dewan Bersidang Semula

Bacaan Yang Ketiga

Ketua Menteri: Tuan Speaker, saya mohon melapurkan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1977) (No. 3), 1978 telah pun diperbincangkan sefasal demi sefasal dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini sekarang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Soalan dikemukakan dan Usul diper-setujui.

Rang Undang-Undang dibacakan bagi kali yang ketiga serta diluluskan.

Dewan ditangguhkan pada jam 3.50 petang.

Dewan bersidang semula pada jam 4.25 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 4.26 petang.